



• BIL 300 • 7 - 13 FEBRUARI 2025 • PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my



DESTINASI TUMPUAN GLOBAL

Malaysia Pengerusi ASEAN >> 2-4

Bangun semula
Pasar Dato' Keramat
>> 7

Baran membawa
barai
>> 9 - 11

Rasai pengalaman baharu
bersama MBSB Bank
>> 19



PAKEJ pelancongan lintas sempadan ASEAN menarik lebih ramai pelancong antarabangsa.

Kepengerusian ASEAN 2025

POTENSI BESAR HAB PELANCONGAN

LAPORAN: AINI MAWAWI, AZLAN ZAMBRY & METRA SYAHRIL MOHAMED

TANGGUNGJAWAB diterima Malaysia selaku Pengerusi ASEAN untuk tahun 2025 memberikan kelebihan besar kepada negara dalam memperkuuh peranan sebagai hab pelancongan utama di rantau ini.

Timbalan Presiden Persatuan Pembangunan Pelancongan Antarabangsa Malaysia (MiTDA), **Datuk Azlie Halim** berkata, untuk itu Malaysia berpeluang mengetui usaha promosi pelancongan serantau sekali gus memperkenalkan pelbagai inisiatif.

"Antaranya baru-baru ini Malaysia menjadi tuan rumah kepada ASEAN Tourism Forum (ATF) yang diadakan di Johor Bahru. Ini membuka ruang kepada Malaysia mempromosikan produk-produk pelancongan tempatan dengan lebih meluas lagi di persada antarabangsa."

"Selain itu, pelancaran Kempen Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2026 telah menjadi penggerak kepada usaha memastikan sektor pelancongan negara menjadi pemaju ekonomi di rantau ini," katanya kepada Wilayahku.

Azlie yang juga Profesor Adjung Universiti Malaysia Kelantan (UMK) memberitahu begitu juga dengan pakej pelancongan lintas sempadan ASEAN, seperti laluan pelancongan bersama Malaysia-Thailand-Singapura-Indonesia untuk menarik lebih ramai pelancong antarabangsa.

Apa yang pasti katanya kerjasama promosi dengan rakan strategik ASEAN

dapat menonjolkan nama Malaysia sebagai hab pelancongan khususnya dalam pelancongan bertemakan warisan, ekopelancongan dan mesra Muslim.

"Dengan strategi menyeluru merangkumi promosi, infrastruktur, pelancongan digital, keselamatan dan pelaburan, saya percaya Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) sedang bekerja keras untuk memastikan kejayaan TMM 2026.

"Gerak kerja yang bersepada melibatkan beberapa agensi kerajaan dan swasta bukan sahaja akan meningkatkan kedudukan pelancong tetapi juga menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan memperkuuh jenama Malaysia di peringkat global," katanya.

Beliau berkata, Kepengerusian ASEAN 2025 memberi kelebihan besar kepada Malaysia dalam mempercepat pemulihan dan pertumbuhan sektor pelancongan, seterusnya menyumbang kepada kejayaan TMM 2026.

Katanya dengan peningkatan pelaburan, infrastruktur, promosi serantau dan pemerksaan ekonomi tempatan, Malaysia berpotensi mencapai sasaran pelancongan yang lebih tinggi, sekali gus meningkatkan hasil ekonomi negara secara menyeluruh.

Sebagai Pengerusi ASEAN jelasnya Malaysia akan menjadi tumpuan

pelancong antarabangsa melalui pelbagai persidangan, pameran dan acara pelancongan, yang dilihat mampu meningkatkan promosi destinasi tempatan.

"Sektor mesyuarat, insentif, persidangan dan pameran (MICE) umpsamnya banyak membuka ruang untuk delegasi antarabangsa berkunjung ke negara ini sekali gus memberikan limpahan ekonomi langsung.

"Apa yang pasti peningkatan kedatangan pelancong akan menyumbang kepada peningkatan pendapatan negara melalui sektor pelancongan, termasuk hasil daripada perbelanjaan pelancong terhadap penginapan, makanan, pengangkutan dan cenderamata.

"Selain itu, peningkatan pelancong juga akan mencipta lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dalam sektor pelancongan dan ia mampu mengurangkan kadar pengangguran," katanya.

Beliau menambah bahawa tanggungjawab Malaysia selaku Pengerusi ASEAN akan menarik lebih ramai pelancong pada tahun ini, yang boleh menjadi lonjakan awal bagi mencapai sasaran 35.6 juta pelancong antarabangsa sempena TMM 2026.

Walau bagaimanapun katanya statistik kedatangan pelancong harus diselaraskan bagi memastikan angka tersebut relevan dengan prestasi semasa industri pelancongan di rantau ini.

Katanya, perbandingan statistik kedatangan pelancong antarabangsa antara Malaysia, Singapura, Thailand dan Indonesia menunjukkan prestasi yang berbeza bagi setiap negara. 



FEROZ

memindahan teknologi dan perkongsian pengetahuan antara dua negara.

"UAE, sebagai negara yang telah maju dalam penerapan AI dan teknologi digital, dapat menyediakan Malaysia dengan akses kepada teknologi canggih dan pengalaman dalam menguruskan projek AI besar.

"Ini memperkuuhkan kedudukan Malaysia dalam industri teknologi global dan membantu membentuk Malaysia sebagai pusat kecemerlangan AI," katanya.

Tambahnya MoU berkenaan memudahkan pemindahan teknologi dan kepakaran AI melalui pelbagai inisiatif termasuk latihan profesional, kerjasama penyelidikan dan pembangunan projek.

"Dengan perkongsian ini juga, Malaysia dapat memanfaatkan kepakaran UAE dalam bidang AI yang sudah matang, sambil memperkenalkan penyelesaian AI yang lebih efisien.

"Kerjasama ini memberi manfaat kepada ekosistem R&D AI tempatan dengan meningkatkan kapasiti sumber manusia serta mempercepatkan penerapan teknologi baharu dalam sektor-sektor strategik," katanya.

Ujar Feroz lagi, sebagai Pengerusi ASEAN 2025, MMAI yang dipelopori Malaysia menyerahkan kepimpinan negara dalam isu kelestarian dan perubahan iklim.

"Dalam aspek alam sekitar misalnya, Malaysia boleh mengetengahkan beberapa agenda yang penting antaranya perubahan iklim, pengurusan bencana serta pembangunan mampan.

"Bagi aspek kerjasama tenaga hijau, Malaysia boleh merintis kerjasama rentas sempadan untuk projek tenaga boleh diperbaharui," katanya.

Kata beliau lagi, MMAI boleh dimanfaatkan dalam pemerksaan sosial dan pendidikan sekali gus membangunkan modal insan.

"Sebagai pengerusi, Malaysia boleh memperkuuhkan program pendidikan serantau, latihan vokasional dan pembangunan bakat dalam teknologi tinggi, AI dan Sains, Teknologi dan Matematik (STEM)," katanya lagi. 

Perkenal kepada 690 juta warga ASEAN

MALAYSIA telah menggunakan sepenuhnya peluang sebagai Kepengerusian ASEAN 2025 untuk memperkenalkan negara dalam kalangan 690 juta warga ASEAN.

Felo Kanan Akademi Penyelidikan Strategik Nusantara, **Profesor Dr Azmi Hassan** berkata, Malaysia telah menggunakan dua strategi iaitu pertama dengan menggunakan mesyuarat ASEAN untuk memperkenalkan negara.

"Terdapat lebih 1,000 mesyuarat ASEAN diadakan di tempat berlainan. Baru-baru ini di Langkawi. Dalam setahun menjadi pengurus ASEAN, kita dapat memperkenalkan negara melalui mesyuarat yang diadakan di tempat-tempat berlainan. Selain Kuala Lumpur, kemungkinan akan diadakan di tempat lain untuk 1,000 mesyuarat ini," katanya.

Menurut Azmi, ketika bergerak ke lokasi berlainan, produk pelancongan

turut diperkenalkan. Katanya, Malaysia menggunakan mesyuarat tersebut untuk mempromosikan lokasi berlainan yang diadakan dalam kalangan ASEAN dan rakan selain ASEAN seperti Amerika Syarikat, China, Korea Selatan, Jepun, Australia dan New Zealand.

Sementara itu, Azmi berkata, strategi kedua iaitu dengan memperkenalkan visa tunggal ASEAN.

Ujarnya, strategi ini bagus supaya tidak perlu memohon visa untuk ke negara dalam ASEAN bagi pelancong.

"Pelancong pergi ke satu tempat dalam satu masa sahaja. Ini dapat tingkatkan industri pelancong di sembilan negara ASEAN lain," katanya.

Tambah Azmi, beliau melihat Kepengerusian ASEAN secara langsung memperkenalkan produk pelancongan Malaysia kepada

penduduk ASEAN lain.

Terdahulu, Laos secara rasmi menyerahkan jawatan Pengerusi ASEAN kepada Malaysia pada 11 Oktober tahun lalu semasa Majlis Penutup Sidang Kemuncak ASEAN ke-44 dan ke-45 di Vientiane.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerima tukul kayu Pengerusi ASEAN daripada rakan sejawatnya dari Laos, Sonexay Siphandone pada majlis itu. 

Kepengerusian ASEAN 2025

KERJASAMA RENTAS SEMPADAN

MALAYSIA perlu mengambil inisiatif untuk memperkenalkan dasar pemuliharan pelancongan yang lebih menyeluruh dan diselaraskan antara negara anggota ASEAN dari segi protokol keselamatan dan kesihatan serantau demi memastikan pelancong lebih yakin melancong ke ASEAN.

Menurut Pensyarah Fakulti Perniagaan dan Pengurusan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), **Dr Hazrin Izwan Che Haron@Shafiee**, pada waktu inilah Malaysia menggunakan peluang sebagai Pengerusi ASEAN dalam Pemuliharan Pelancongan.

"Malaysia harus merapatkan kerjasama antara negara jiran, dengan memperkasakan pembangunan pakej pelancongan Multi-Destinati ASEAN seperti Malaysia-Thailand-Vietnam atau Malaysia-Indonesia-Brunei, bagi menarik lebih ramai pelancong antarabangsa ke Malaysia."



HAZRIN IZWAN

"Selain itu, perlu merancang insentif khas seperti harga tiket penerbangan lebih murah atau diskon hotel untuk program pemasaran pelancong kepada negara ASEAN yang merancang untuk melancong ke Malaysia," ujarnya kepada Wilayahku.

Beliau yang juga pakar dalam bidang pelancongan berkata, negara perlu mengukuhkan kedudukan sebagai hab pelancongan mesra Muslim dengan memperkenalkan lebih banyak inisiatif serta produk halal pelancongan kepada negara ASEAN terutamanya negara yang mempunyai pelancong Muslim.

Ujarnya, antara lain adalah dengan mewujudkan laluan pelancongan halal yang merangkumi destinasi popular di Malaysia bagi pelancong Muslim di ASEAN seperti Indonesia, Brunei

dan Selatan Thailand.

"Malaysia harus mengambil peluang ini dengan menarik lebih banyak pelaburan asing ASEAN dalam sektor pelancongan, seperti pembangunan hotel baharu, taman tema dan pusat peranginan," katanya.

Tambahnya, pelbagai strategi untuk meningkatkan pelancongan serantau juga boleh dilaksanakan dengan pembangunan produk pelancongan bersama antara negara ASEAN.

"Dengan memperkenalkan pakej pelancongan multi destinasi yang menghubungkan beberapa negara anggota ASEAN dalam satu perjalanan misalnya cadangan pakej seperti Ekopelancongan ASEAN & Pelancongan Muslim friendly."

"Namun bagi mengembangkan pakej pelancongan multi destinasi ini akan memerlukan beberapa strategi seperti penyelarasaran imigresen supaya dapat mempercepatkan pelaksanaan visa pelancongan serantau seperti ASEAN Common Visa."

"Kedua, kerjasama syarikat penerbangan dengan meningkatkan laluan penerbangan serantau serta memperkenalkan pas khas seperti unlimited ASEAN Air Pass serta pembangunan infrastruktur iaitu dengan mempersatkan serta memperbaiki jaringan pengangkutan kereta api, bas ekspres dan feri antara negara ASEAN di samping menyelaraskan perancangan pakej tour dari prospek projek ECRL."

"Dalam masa sama, hal yang perlu dititikberatkan adalah promosi bersama antara negara ASEAN dalam menjalankan kempen pemasaran pelancongan bersama melalui e-marketing, pameran pelancongan antarabangsa dan ejen pelancongan global," ujarnya.

beliau.

Mengulas lanjut, mengenai usaha memudahkan proses rentas sempadan yang dibincangkan oleh menteri-menteri pelancongan ASEAN sempena Forum Pelancongan ASEAN (ATF) 2025 baru-baru ini, beliau berkata, ia perkara mustahak dalam memastikan pergerakan pelancong lebih lancar dengan dasar imigresen yang lebih fleksibel.

"Kerjasama rentas sempadan dapat mempermudah pergerakan pelancong antarabangsa dan intra-ASEAN. Langkah ini bukan sahaja meningkatkan daya saing sektor pelancongan tetapi juga memberi keselesaan kepada pelancong dalam merancang perjalanan mereka dalam negara-negara ASEAN."

"Menggalakkan pelancongan lintas sempadan (cross-border tourism) antara negara jiran seperti Malaysia-Thailand dan Malaysia-Indonesia. ASEAN mempunyai sempadan darat dan maritim yang panjang. Dengan geografi ini, ia memberikan peluang besar untuk membangunkan pelancongan lintas sempadan."

"Pelancongan ini boleh berkembang melalui kerjasama infrastruktur, dasar yang mesra pelancong dan promosi bersama antara negara ASEAN yang bersempadan," ujarnya.

Dalam masa yang sama, keselamatan pelancong adalah aspek penting dalam memastikan ASEAN menjadi destinasi pelancongan yang selamat dan mesra pelawat. 

Pupuk rantaui lebih saksama

KEPENGURUSIAN ASEAN 2025 yang bertemakan Keterangkuman dan Kemampuan menawarkan pelbagai peluang hebat kepada negara. Pengalaman diplomatik negara juga meletakkannya dalam keadaan yang baik untuk mengharungi cabaran serantau.

Visi Keterangkuman dan Kemampuan adalah sejajar dengan matlamat ASEAN untuk memupuk rantaui yang lebih saksama dan makmur bagi semua negara anggota tanpa mengira saiz atau pembangunan ekonomi mereka.

Memberi pandangan tentang hal itu, Pengetua Kolej Canselor, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Dr Syed Agil Alsagoff** berkata, Malaysia akan memainkan peranan lebih luas dan meningkatkan kerjasama strategik dalam beberapa bidang antaranya ekonomi, pelaburan, pertahanan tenaga boleh baharu, pelancongan, kemampuan dan kecerdasan buatan (AI) di antara sesama anggota ASEAN.

"Selain peranan tersebut, Malaysia menyasarkan zon perdagangan bebas di antara negara anggota di mana lebih banyak peluang perdagangan dapat dijalankan bersama bagi memastikan tidak ketinggalan berbanding pakatan dagangan negara-negara maju."

"Malaysia juga berhasrat untuk meningkatkan sinergi perdagangan dengan negara-negara kerjasama Teluk serta meningkatkan pelaburan antara syarikat-syarikat gergasi Timur Tengah," ujar beliau kepada Wilayahku.

Tambahnya dalam perspektif politik serta sosial pula, Malaysia akan menyasarkan daya usaha mempertahankan zon keamanan antara negara-negara anggota selain membantu menyelesaikan

persengketaan politik.

"Dalam masa sama, dari segi sosial, Malaysia juga berusaha menjayakan pelan strategik merangsang pertumbuhan ekonomi, daya saing kemampuan sosioekonomi dan kelestarian peningkatan taraf hidup penduduk dalam kalangan negara angota."

"Dengan hal itu, maka lebih banyak peluang pekerjaan berasaskan kepada Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM), teknologi maklumat dapat dijanakan bersesuaian dengan keperluan tenaga maklumat terkini."

"Pertubuhan Menteri-Menteri Pelajaran ASEAN (SEAMEO) yang disertai turut menyasarkan kerjasama pendidikan Bahasa Inggeris, Matematik dan sebagainya serta memfokuskan lebih kepada perkongsian teknologi pendidikan sesama anggota ASEAN."

"Menyandang tanggungjawab sebagai tuan rumah dan Pengerusi ASEAN tahun ini, sektor pelancongan negara akan juga dipergiatkan lebih-lebih lagi sebanyak 200 mesyuarat ketua-ketua negara ASEAN akan berlangsung di Malaysia sekali gus menjadikan negara ini tarikan utama pelancong dari negara-negara asing," katanya.

Dalam pada itu, Syed Agil berkata, sumbangan dan peranan Malaysia dalam ASEAN juga amat besar antaranya menjadi tuan rumah Mesyuarat Menteri-Menteri Luar ASEAN dengan memberi fokus kerjasama keamanan serantau anggota ASEAN serta bantuan kemanusiaan sesama ASEAN.

"Tidak ketinggalan juga, negara kita turut membantu menangani isu pencerobohan Vietnam terhadap Kemboja dan meredakan konflik politik di selatan Filipina," katanya. 

Kepengerusian ASEAN 2025

USAHA SELESAI ISU MYANMAR

MALAYSIA mencatat sejarah kali kelima menggalas tugas sebagai Pengerusi ASEAN di mana menyaksikan pada tahun ini, Malaysia sekali lagi mengambil alih tanggungjawab Kepengerusian ASEAN dalam era rantau dan global yang amat mencabar.

Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya (UM), Dr Mohammad Tawfiq Yaakub berkata, dari perspektif sejarah, Kepengerusian ASEAN sebelum ini yang pernah digalas membawa pelbagai cabaran.

Ujar beliau, antaranya usaha pengenalan dan pembentukan Komuniti ASEAN pada tahun 2015.

"Isu pendemokrasi dan ketegangan politik lokal di Myanmar dan kebijaksanaan Malaysia berhadapan dengan krisis ekonomi global selaku Pengerusi ASEAN.

"Tiga isu utama ini merupakan isu-isu yang pernah dihadapi oleh Malaysia selaku Pengerusi ASEAN sebelum ini dan pada tahun 2025 Malaysia juga berhadapan dengan isu yang sama tetapi situasi berbeza," katanya.

Bagaimanapun, Tawfiq melihat Malaysia setelah mengambil alih tanggungjawab Kepengerusian ASEAN pada 2025 dengan drastik bertindak untuk menangani isu berkenaan secara berkesan.

Misalnya isu Myanmar, katanya Malaysia telah melantik Tan Sri Othman Hashim sebagai utusan



TAWFIK

khas Pengerusi ASEAN mengenai isu tersebut.

"Tindakan Malaysia ini memperlihatkan negara tidak mahu lagi dibelenggu dengan isu yang sama dan berusaha menyelesaikan isu Myanmar sebelum menamatkan tugas sebagai Pengerusi ASEAN.

"Sudah semestinya penyelesaian isu Myanmar ini menghantui mananya Pengerusi ASEAN kerana masih sukar diselesaikan," jelasnya.

Tambahnya lagi, beliau yakin Malaysia mampu menjadi pengerus pertama ASEAN yang boleh memulih demokrasi dan kestabilan politik di Myanmar memandangkan ia di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, Anwar berjaya menstabilkan politik dan keamanan politik tempatan hanya dalam tempoh dua tahun selepas Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU 15) lalu hingga kini.

"Bagi saya, tidak ada perkara mustahil jika Pengerusi ASEAN yang mempunyai pengalaman dan kebijakan dalam menyelesaikan konflik mampu membantu dan mengubah Myanmar ke arah lebih demokrasi dalam tempoh satu atau dua tahun akan datang," katanya.

Sementara itu, Tawfiq berkata, beliau melihat Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia telah disambut cepat oleh agensi kerajaan dan rakyat.

Antaranya dengan memperkenalkan inisiatif ASEAN



ANWAR menerima tukul kayu Pengerusi ASEAN daripada rakan sejawatnya dari Laos, Sonexay Siphandone semasa Majlis Penutup Sidang Kemuncak ASEAN ke-44 dan ke-45 Oktober tahun lalu.

lestari oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRES) serta komitmen Kementerian Luar Negara untuk menjadikan media sebagai platform berkesan untuk pelbagai inisiatif ASEAN.

"Bagi saya, sejarah Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia sebelum ini telah dijadikan pengalaman,

panduan dan paling penting sebagai booster kepada Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia bermula 2025 ini untuk lebih agresif dan menghasilkan kecemerlangan yang luar biasa sepanjang menggalas tanggungjawab menerajui ASEAN," katanya.

Terdahulu, Laos secara rasmi

menyerahkan jawatan Pengerusi ASEAN kepada Malaysia pada 11 Oktober lalu semasa Majlis Penutup Sidang Kemuncak ASEAN ke-44 dan ke-45 di Vientiane.

Anwar menerima tukul kayu Pengerusi ASEAN daripada rakan sejawatnya dari Laos, Sonexay Siphandone pada majlis itu.

Mencipta acuan Malaysia 2025, 2035

TANGGUNGJAWAB Malaysia selaku Pengerusi ASEAN 2025 merupakan platform yang amat penting bagi negara mencipta acuan sendiri menerajui negara-negara Asia Tenggara dan akan dilihat kembali untuk tempoh 10 tahun akan datang.

Hal demikian kerana pusingan seterusnya Kepengerusian ASEAN bagi Malaysia adalah pada 2035.

Profesor Pengajian ASEAN di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Phar Kim Beng berkata, apabila Laos menyerahkan Kepengerusian ASEAN kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 14 Oktober lalu, Malaysia menampakkan keyakinan mampu menggalas tugas tersebut dan membawa ASEAN jauh ke hadapan.

Menurut beliau sama ada sedar atau tidak, Anwar telah menyaksikan Malaysia menjadi tuan rumah Kepengerusian ASEAN pada 1985, 1995, 2005 dan terakhir pada 2015.

"Tahun ini cukup berbeza



dengan beliau adalah seorang Perdana Menteri. Beliau perlu menyalurkan kedinamikan sepenuhnya ke dalam ASEAN kerana kepimpinan Malaysia dalam ASEAN yang seterusnya adalah pada 2035.

"Biarpun ketika itu beliau sudah berusia 87 tahun, ASEAN pada masa itu perlu menunjukkan ia sekurang-kurangnya boleh

membuktikan kemampuan sebagai organisasi serantau terbaik dan konsisten dengan Piagam ASEAN yang berpusatkan rakyat," katanya.

Katanya, menjelang 2035 golongan pekerja di ASEAN mestи menikmati tahap yang tinggi dalam komuniti ekonomi.

"Kebajikan dan keselamatan mereka, dalam erti kata lain, mestи mendapat manfaat langsung

daripada input dasar ASEAN.

"Sama pentingnya, ASEAN pada 2035, mesti mempunyai ketersambungan digital mampu milik, lestari dan konsisten melalui kemajuan antaranya teknologi kecerdasan buatan (AI).

"Untuk itu, baiknya adalah Anwar seorang yang optimis dengan kebolehan luar biasanya untuk mengatasi halangan dan kesulitan, hasil pengalaman politiknya selama ini," tegasnya.

Beliau menambah, Anwar mesti memastikan 2025 ini memberi impak yang signifikan kerana pada penghujung 2027, ia akan menandakan tamatnya tempoh lima tahun pertama beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-10.

Katanya, 2025 juga menandakan berakhirnya Rancangan Malaysia Ke-12 yang menjadi panduan kedudukan ekonomi Malaysia sebagai negara perdagangan.

Di bawah kepimpinan Anwar jelasnya, menyaksikan lebih banyak kumpulan negara digerakkan dengan Malaysia

mewujudkan hubungan ASEAN Plus 3 membabitkan China, Jepun dan Korea Selatan.

Malah jelasnya, Anwar dijangka memanfaatkan persidangan besar seperti Sidang Kemuncak ASEAN dan Majlis Kerjasama Teluk (GCC) atau ASEAN-GCC yang dijadualkan pada April atau Mei ini.

"Kerjasama ASEAN dan GCC sudah lama dibincangkan sejak 2009. Anwar perlu memastikan ia menjadi realiti dengan manfaat ekonomi yang mampu."

"Malaysia turut berperanan dalam menguruskan Sidang Kemuncak Asia Timur (EAS) serta Forum Serantau ASEAN (ARF) dan Sidang Menteri Pertahanan ASEAN Plus (ADMM-Plus).

"Dengan pelbagai sidang utama bakal berlangsung tahun ini, Malaysia perlu membuktikan keupayaannya sebagai pemimpin ASEAN yang berkesan," katanya.

Ini katanya masa sesuai untuk Anwar mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pemimpin utama ekonomi dan politik global.

Isu kenaikan tarif elektrik Julai ini

KERAJAAN TIDAK PERNAH BERDOLAK-DALIK

SATU dakwaan yang tidak tepat apabila terdapat segelintir netizen menuduh kerajaan tidak konsisten dalam menangani isu kenaikan tarif elektrik yang mencetuskan kekeliruan dalam kalangan rakyat.

Pendek kata, mereka menuduh kerajaan berdolak-dalik membuat keputusan mengenai isu ini.

Dakwaan ini semakin kecoh apabila terdapat sesetengah pihak mendakwa kononnya kekeliruan ini timbul susulan tindakan kerajaan yang berubah-ubah dalam kenyataan berhubung kenaikan tarif yang dikatakan akan berlaku Julai ini.

Kata mereka, kerajaan juga sebelum ini menafikan kenaikan tersebut sebelum sekali lagi memberi bayangan bahawa pelarasan akan tetap berlaku tetapi tanpa melibatkan isi rumah.

Bukan itu sahaja, mereka juga mendakwa tidak melihat perancangan yang baik oleh kerajaan berkaitan hal ini. Misalnya, mempertikaikan kerajaan memberi jaminan kepada pemain industri bahawa sebarang kenaikan tarif elektrik pada separuh kedua tahun ini tidak akan membebankan atau merugikan komuniti perniagaan.

Dalam masa yang sama, mereka memperlekehkan sejauh mana kebenaran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang pernah menegaskan isi rumah berpendapatan rendah tidak terjejas oleh semakan tarif yang dijadualkan nanti.

Sebelum menuduh kerajaan tanpa usul periksa, anda perlu tahu bahawa sejumlah 85 peratus rakyat di negara ini tidak akan terkesan dengan kenaikan kadar tarif elektrik yang bakal berkuat kuasa bermula Julai tahun ini.

Menurut Anwar, kenaikan kadar tarif elektrik itu hanya melibatkan sektor industri mengikut kaedah Imbalance Cost Pass-Through (ICPT) serta



ANWAR menegaskan sejumlah 85 peratus rakyat tidak akan terkesan dengan kenaikan kadar tarif elektrik.
Foto: Jabatan Penerangan

sebahagian golongan berpendapatan tinggi.

Katanya, kenaikan kadar tarif elektrik pada kadar kurang daripada 14 peratus itu disifatkan munasabah dalam usaha kerajaan menambah peruntukan bagi pembangunan seperti sekolah dan hospital.

"Kita kena terima kenyataan kenaikan tarif yang munasabah bagi industri dan golongan maha kaya ini. Saya sebut depan peniaga-peniaga semalam, kita tidak akan tolak ansur, kita terpaksa naikkan, tetapi tidak melibatkan 85 peratus rakyat, dengar betul-betul," katanya dalam Sesi Pertanyaan Menteri pada sidang Dewan Rakyat, baru-baru ini.

Anwar berkata demikian bagi menjawab soalan

tambahan Ahli Parlimen Machang, Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal yang mendakwa kerajaan seperti 'flip flop' berhubung dasar kenaikan tarif elektrik sehingga mengelirukan banyak pihak.

Sementara itu, Perdana Menteri menegaskan, kerajaan sudah menegur Tenaga Nasional Berhad (TNB) berhubung pengumuman kenaikan kadar tarif elektrik sebelum ini yang dibuat secara umum.

"Saya katakan kita patut cerakinkan, apa dia untuk kategori yang dinaikkan. Jadi saya tegaskan semula kenaikan kadar elektrik untuk industri akan berlaku mengikut kaedah ICPT mulai Julai ini," jelasnya.

Tingkat produktiviti pertanian

PELBAGAI dakwaan netizen yang menuduh kononnya kerajaan masih gagal menguruskan dengan baik isu kekurangan bahan makanan ruji di negara ini khususnya beras tempatan yang dikatakan masih belum berada dalam pasaran.

Kata mereka, negara kita sebagai salah satu negara pengeluar beras dan bahan eksport seperti sawit, itu sepertutnya tidak berlaku.

Mereka menuduh kerajaan tidak berbuat apa-apa berhubung ketiadaan beras tempatan yang bukan sahaja merjejaskan pengguna, malah turut membebankan pesawahan yang menjual hasil mereka pada harga murah.

Dakwa mereka lagi, apabila hasil padi sampai kepada pihak tidak bertanggungjawab, ia diproses dan dijual sebagai beras dengan keuntungan tinggi.

Kerajaan tidak berbuat apa-apa? Kerajaan tiada mekanisme mengatasinya masalah beras tempatan?

Disebabkan keprihatinan terhadap rakyat, kerajaan telah meluluskan sebanyak RM1 bilion untuk Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) meningkatkan produktiviti bersama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Perdana Menteri (PM), Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, penambahan RM1 bilion itu

berupaya menjamin penambahan produktiviti penghasilan beras sekurang-kurangnya memenuhi sekitar 70 peratus keperluan tempatan berbanding 56 peratus pada ketika ini.

"Kerajaan meluluskan RM1 bilion untuk MADA dan kita akan meluncurkan akhir bulan ini."

"Ia supaya di kawasan sawah yang ada, penambahan RM1 bilion itu boleh menjamin penambahan produktiviti," katanya ketika Sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri (MQT) di Dewan Rakyat, baru-baru ini.

Anwar juga menjawab pertanyaan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee (PN-Beluran) yang bertanya apakah kerajaan bercadang mengkaji semula dasar sedia ada iaitu penghasilan 70 peratus beras tempatan dan pengimporan 30 peratus beras luar.

Menurut Ronald, ia penting agar industri padi kekal utuh dan lestari selaras dengan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).

Dalam pada itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan memaklumkan, pada ketika ini KPBM turut giat mengambil langkah memperluaskan kegiatan penanaman padi supaya memenuhi Dasar Agromakanan yang telah ditetapkan.

"Peningkatan lebih tinggi terhadap keperluan beras tempatan. Langkah-langkah diambil di

Semenanjung termasuk Sabah dan Sarawak.

"Lebih-lebih lagi Sarawak, negeri itu telah memulakan satu projek raksasa penanaman padi dengan benih dan baja yang boleh meningkatkan produktiviti," ujarnya lagi.

Untuk rekod, pada tahun ini, KPBM memberikan tumpuan terhadap dua perkara iaitu mereformasikan industri beras dan membangunkan sektor ruminan.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, reformasi industri padi dan beras negara bertujuan memastikan kemandirian bekalan tempatan dan pada masa sama membawa industri itu ke tahap lebih tinggi dengan mengutamakan pendekatan lebih lestari, berdaya saing serta mesra alam.

Dalam masa yang sama, Anwar tidak menolak penyelewengan menjadi antara faktor yang menjelaskan produktiviti pengeluaran padi dan beras negara.

Bagaimanapun, beliau menyerahkan kepada pihak berkuasa untuk menjalankan siasatan terhadap isu berkenaan.

"Saya tidak mahu nafikan berlaku penyelewengan. Biar badan penguat kuasa siasat. Saya juga teliti kenyataan Menteri Besar (Kedah) kalau ada bukti maklumkan kepada kita untuk diambil tindakan," tambahnya lagi.

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

16/2/25: KL Half Marathon @ Dataran Merdeka Kuala Lumpur

16/2/25: JomRun @ Dataran Merdeka

27/4/25: OCBC Cycle KL 2025 @ Dataran Merdeka

23/5 - 1/6/25: Pesta Buku Antarabangsa @ PWTC



PUTRAJAYA

6-9/2/25: Hari Terbuka Putrajaya @ Dataran Putrajaya, Presint 3

9/2/25: Putrajaya Inter-Park @ Dataran Putrajaya

15/2/25: Putrajaya Night Race @ Dataran Wawasan



LABUAN

9/2/25: Larian Hari Wilayah Persekutuan @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

22/2/25: Program Bersih-KAL WP @ Tempat Letak Kereta Medan Selera

26 - 30/7/25: Borneo Flora Festival @ Labuan 2025 @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM): **999**

Talian Kasih KPWK: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**

TETAP KOMITMEN BIAR BERTIGA

Walaupun bertiga daripada blok pembangkang, bagaimana YB melihat proses semak dan imbang dilaksanakan sepanjang sesi DUN sebelum ini? Isu-isu apa yang menjadi keutamaan dan diketengahkan?

Walaupun hanya bertiga, sudah pasti saya mahupun rakan-rakan komited menyuarakan pendirian bagi membela nasib rakyat. Isu-isu semasa yang relevan kepada rakyat Kedah akan terus disuarakan. Contohnya, isu air dan isu pelaburan asing dan sebelum ini saya ada memberi pandangan agar elau-elauan imam dinaikkan dan ini diberi perhatian oleh pihak kerajaan.

Apa kekangan yang YB hadapi selaku blok pembangkang dalam menyuarakan isu-isu rakyat di sidang DUN?

Saya rasa tiada kekangan untuk menyuarakan isu rakyat di sidang DUN melainkan saya pohon pihak kerajaan negeri mendengar suara kami walaupun kami minoriti di dalam dewan. Konsep semak dan imbang adalah penting demi kepentingan rakyat.

Apa kad laporan yang hendak YB sampaikan kepada rakyat mengenai prestasi pentadbiran kerajaan negeri setakat ini?

Saya melihat banyak perkara yang kerajaan negeri boleh pertingkatkan lagi.

Kami di pihak pembangkang di negeri Kedah akan terus menyuarakan suara dan hasrat rakyat demi kesejahteraan rakyat Kedah, seperti kelewatan pembangunan infrastruktur, kelewatan projek pembekalan air, isu projek terbengkalai, yang perlu diambil tindakan serta mencari cara penyelesaian.

YB sendiri merupakan wakil rakyat mewakili masyarakat Siam manakala dua lagi ADUN pembangkang juga bukan Melayu. Bagaimana usaha digembung supaya isu kaum tidak menjadi masalah untuk bersama diperjuang biarpun berlainan bangsa?

Kerajaan MADANI begitu kuat mempertahankan prinsip perpaduan agar kita sebagai rakyat terus bersatu padu untuk membawa negara Malaysia ke arah pencapaian yang lebih membanggakan. Di atas prinsip perpaduan inilah saya akan terus membawa suara rakyat tanpa mengira latar belakang kaum dan agama. Contohnya seperti saya sendiri ada menyuarakan agar elau-imam dinaikkan oleh pihak kerajaan negeri dan suara saya ini didengari.

Hanya bertiga mewakili blok pembangkang, apa pengajaran yang YB lihat sepanjang perjalanan Pilihan Raya Negeri (PRN) sebelum ini? Di mana silapnya sehingga parti-parti dalam Kerajaan



BAU WONG (depan tiga dari kiri) ketika menyantuni rakyat dalam program komuniti di Taman Kenari, Sungai Petani, Kedah.



Di peringkat parti dalam Kerajaan Perpaduan juga adakalanya saling bertikam lidah. Pada pandangan YB adakah ia sihat terutama dalam kita menuju PRU16?

Saya tidak bersetuju dengan perkataan bertikam lidah melainkan perkataan yang sebetulnya adalah berbeza pendapat. Umumnya, berbeza pendapat itu merupakan perkara biasa di dalam mana-mana organisasi. Inilah konsep demokrasi tulen, di mana sesiapa saja berhak bersuara selagi tidak menyentuh perkara 3R (kaum, agama dan institusi diraja).

Walaupun berbeza pendapat pada awalnya, pada akhirnya, satu persetujuan akan dapat dicapai. Ini menunjukkan parti di dalam Kerajaan Perpaduan saling berfikiran terbuka dan boleh menerima pendapat berbeza demi kepentingan rakyat.

Apa lagi isu setempat yang YB rasakan perlu ditangani kerajaan negeri dengan sebaik-baiknya, dalam aspek ekonomi, pelancongan maupun isu-isu belia?

Isu-isu ini juga saya telah ulas di dalam sidang DUN yang lepas. Kedah mempunyai kawasan pelancongan yang berpotensi untuk diketengahkan.

Contohnya, pasar bisik yang unik di Kota Kuala Muda, Tanjung Dawai, Gunung Jerai, Pulau Bunting dan banyak lagi mampu menjadi tempat pelancongan utama di Kedah. Penambahbaikan infrastruktur di lokasi-lokasi tersebut bersama promosi yang mencukupi, membolehkan Kedah menjadi antara peneraju pelancongan di Malaysia.

Pelancongan domestik yang banyak melalui Kedah untuk melancong di negara jiran mungkin berpotensi untuk berbelanja di Kedah jika tempat pelancongan di Kedah dapat ditambah baik.

Ini bakal menjana pendapatan kepada negeri Kedah sendiri.

Bagi membela nasib golongan belia pula, saya ada menekankan di sidang DUN agar kerajaan negeri bekerjasama dengan institusi pendidikan dan pemain industri bagi melengkapkan ilmu kepada para belia Kedah untuk bekerja di dalam sektor industri terutama dalam bidang kecerdasan buatan (AI).

Kami mempunyai hab industri yang mampan seperti Kulim Hi-Tech Park di mana tenaga kerja mahir diperlukan bagi menampung kapasiti sektor industri itu sendiri. Ini juga seiring hasrat Perdana Menteri yang membawa lebih banyak pelabur industri di dalam negara.

BERPENGALAMAN luas dalam politik, biarpun berketurunan Siam, Yang Berhormat (YB) **BAU WONG** BAU EK cukup profesional dalam isu-isu melibatkan pelbagai kaum. Baginya, prinsip perpaduan perlu dipertahankan demi memastikan Malaysia terus maju ke hadapan.

Dipilih sebagai Ketua Pembangkang di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sidam ini komited menyuarakan isu-isu rakyat bersama dua lagi ADUN yang berada di kerusi pembangkang.

Beliau antara tiga ADUN Pakatan Harapan (PH) yang memenangi tiga kerusi dari 33 kerusi pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Kedah, Ogos 2023. Bersama wartawan Wilayahku, **METRA SYAHRIL MOHAMED**, beliau berkongsi pandangan mengenai isu-isu semasa termasuk isu berkaitan rakyat.

Perpaduan kecundang? Apa langkah penambahbaikan?

Saya rasa Kerajaan MADANI sudah berada di landasan yang betul dalam membantu dan membela nasib rakyat Kedah secara umumnya. Begitu banyak inisiatif yang baik telah disediakan kepada rakyat Malaysia secara umumnya dan rakyat negeri Kedah tidak terkecuali dalam menerima tempias kebaikan ini.

Namun apa yang saya lihat, mesej kebaikan yang disampaikan ini, tidak diuar-uarkan dan tidak begitu sampai sepenuhnya kepada rakyat.

Justeru media pihak Kerajaan MADANI harus memberi fokus agar memainkan peranan yang lebih meluas bagi memberitahu rakyat mengenai inisiatif yang telah dilakukan dan bakal dilakukan oleh pihak kerajaan.

Dengan cara ini, rakyat akan lebih nampak secara jelas dan memahami hala tuju Kerajaan MADANI yang begitu menitikberatkan kebijakan rakyat Malaysia. Beberapa kelebihan dikenal pasti dan telah diambil tindakan.

Dalam sidang DUN baru-baru ini YB ada mengetengahkan saranan supaya kerajaan negeri menubuhkan pasukan penilai untuk meneliti kemampuan syarikat swasta yang berhasrat melaksanakan projek pembangunan. Apakah banyak projek terbengkalai atau sakit di Kedah?

Saya melihat ada sudut tertentu yang boleh dipertingkatkan dan diperbaiki lagi oleh kerajaan negeri untuk membangunkan negeri Kedah. Saya teguh berpendapat, pasukan penilai memainkan peranan penting dalam meneliti kemampuan syarikat-syarikat swasta untuk melabur di Kedah.

Pasukan penilai harus berupaya meneliti dan mencongak kebolehupayaan satu-satu syarikat dengan lebih mendalam untuk menyiap projek, terutamanya kekuatan kewangan syarikat dalam menyempurnakan projek sehingga tamat selain meneliti sejarah-sejarah projek yang pernah dibina sebelum ini agar gambaran lebih tepat dapat dilihat mengenai kemampuan syarikat tersebut untuk melaksanakan projek.

Beberapa projek mega yang dilihat tiada kemajuan dan terbengkalai adalah seperti projek litar lumba di Sungai Petani, Kedah Rubber City, Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KPx), projek Widad Langkasuka dan pembinaan stadium.

Ketika berkempen sebelum ini, YB menekankan isu jaringan Internet dan nasib petani di kawasan DUN Sidam. Bagaimana usaha penambahbaikan terhadap isu-isu berkenaan setakat ini?

Saya dapat jaringan Internet yang lebih luas sedang giat dijalankan terutama dari pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)

demi menerajui jaringan 5G yang memungkinkan capaian Internet yang lebih pantas. Ini bermakna suara saya sebelum ini sedang didengari.

Kedah begitu sinonim dengan gelaran negeri jelapang padi. Ini termasuklah petani di kawasan Sidam yang rata-ratanya turut menanam padi. Bagi membela nasib golongan petani, pada tahun 2025, Projek Penanaman Padi Lima Musim Dua Tahun di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Fasa 1, akan dimulakan dengan kos RM1 bilion dengan keluasan hampir 11,000 hektar.

Selain itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim antara lain mengumumkan RM300 juta bagi menjalin kerjasama projek pertanian dengan kerajaan negeri dan RM27 juta disediakan sebagai insentif kepada petani dan penternak untuk meningkatkan pengeluaran. Terima kasih Kerajaan MADANI yang begitu peka dan prihatin kepada nasib golongan petani termasuk para petani di kawasan Sidam.

Pandangan YB mengenai hubungan kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan? Apa nasihat terbaik YB dalam persoalan ini?

Saya ada menekankan beberapa kali di dalam sidang DUN sebelum ini mengenai kepentingan hubungan baik antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan. Titik persamaan perlu dicari demi kepentingan rakyat Kedah.



ZALIHA beramah mesra dengan peniaga Pasar Dato' Keramat pada Rabu.

Pasar Dato' Keramat ikut model Pasar Raja Bot BANGUN SEMULA SECARA BERFASA

AZLAN ZAMBRY

KERAJAAN akan memuktamadkan cadangan pembangunan semula Pasar Dato' Keramat untuk kemudahan peniaga dan orang ramai selepas beberapa kali membatalkan keputusan tersebut.

Menegaskan perkara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zalihah Mustafa** berkata, pihaknya serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan membuat keputusan akhir bagi merealisasikannya.

"Kita tidak mahu lagi isu cadang dan batal dalam projek ini, jadi apa yang kita akan buat adalah satu keputusan yang terakhir dan *we are going for it*. Kita akan pastikan pelaksanaannya direalisasikan."

"Sebab saya lihat tadi di lapangan, isu yang paling ketara adalah bangunan itu sendiri sudah usang dan melebihi 50 tahun dan itu memberikan kesan terhadap isu keselamatan dan pernah berlaku beberapa kali kebakaran sebelum ini,"

katanya kepada Wilayahku selepas mengadakan lawatan dan bertemu dengan peniaga Pasar Dato' Keramat pada Rabu.

Jelas Zalihah, pihaknya mengambil keputusan untuk membangunkan Pasar Dato' Keramat secara berfasa meskipun cadangan terdahulu adalah untuk pembangunan yang komprehensif melibatkan keseluruhan kawasan termasuklah Program Perumahan Rakyat (PPR) di sekitar kawasan tersebut.

"Kita tumpukan dahulu pembangunan kompleks pasar sahaja dan saya nampak itu boleh dilaksanakan pada kadar yang lebih cepat."

"Bagaimanapun untuk melaksanakan itu, ada beberapa cadangan dan kita akan memuktamadkan dilaksanakan mengikut model Pasar Raja Bot, Kampung Baru secara berfasa."

"Maknanya, kita bangunkan dahulu satu kawasan yang dikenal pasti untuk menempatkan

sebahagian peniaga kemudian, setelah siap, kita akan bina pula fasa lain dan seterusnya semua peniaga ditempatkan," katanya.

Tambahnya, DBKL akan melaksanakan bancian peniaga dan sesi libat urus dengan pemegang taruh yang akan dimulakan dalam tempoh dua minggu sebelum proses selanjutnya.

"Saya telah pun mendapat taklimat berkenaan status terkini Pasar Dato' Keramat ini, kita akan melihat tanah-tanah yang berpotensi dan akan berbincang dengan pemegang taruh dan pemilik tanah, sekiranya ia melibatkan tanah milik DBKL, saya rasa ia tidak ada masalah."

"Perkara yang perlu diambil perhatian adalah soal infrastruktur kerana apabila orang ramai berkunjung ke pasar, masalah parkir perlu diatasi bagi memberikan keselesaan. Jadi yang itu juga akan dimasukkan bersekali dalam pelan pembangunan Pasar Dato' Keramat," katanya.

Bakal libat pancaragam sekolah

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bakal melibatkan pasukan pancaragam sekolah-sekolah seluruh Kuala Lumpur dalam upacara mengibarkan Jalur Gemilang di Dataran Merdeka berikut ia merupakan satu upacara bulanan yang unik serta melibatkan pasukan berkuda.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif** berkata, cadangan tersebut dilontarkan beliau bagi meningkatkan penglibatan pelajar sekolah serta memupuk semangat patriotisme.

"Sebenarnya upacara mengibarkan Jalur Gemilang ini dilaksanakan setiap bulan dan cadangan untuk melibatkan pelajar sekolah ini dibuat berikutnya di Kuala Lumpur mempunyai pasukan pancaragam yang dianggotai pelajar sekolah."

"Penglibatan pelajar sekolah ini dapat meningkatkan semangat patriotik cintakan tanah air selain dapat menyerlahkan bakat serta potensi pasukan-pasukan pancaragam beraksi bersama pasukan pancaragam DBKL," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Upacara Mengibarkan Jalur Gemilang di

Dataran Merdeka pada Isnin.

Menurut Maimunah, upacara berkenaan bakal dimasukkan dalam kalender pelancangan Kuala Lumpur berikut ia merupakan satu upacara bulanan yang unik serta melibatkan pasukan berkuda.

"Kita akanjadualkan ia sebagai acara wajib minggu pertama setiap bulan sebagai inisiatif bagi memupuk semangat patriotisme dalam kalangan warga kota."

"Selain itu, ia turut memberi peluang kepada para pelancong tempatan dan antarabangsa untuk menyaksikan sendiri keunikan serta nilai sejarah yang terdapat di Dataran Merdeka, sebuah lokasi nostalgik yang menjadi lambang kebanggaan negara," katanya.

Maimunah berkata, pengajuran acara ini juga bertujuan untuk menyemarakkan semangat cintakan tanah air, meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan menghormati Jalur Gemilang, serta memperkuuhkan hubungan antara DBKL dan masyarakat dalam pembangunan sosioekonomi Kuala Lumpur.



MAIMUNAH (tengah) pada Majlis Upacara Mengibarkan Jalur Gemilang.

Konsep Barber Komuniti diperluas ke PPR/PA



ZALIHA (kanan) dan Maimunah di Pusat Barber Komuniti PA Seri Perlis 2.

INISIATIF Program Usaha Jaya Insan (PUJI) menerusi Upaya@PUJI yang melatih golongan belia menerusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam bidang gunting rambut memperlihatkan kejayaan menerusi pembukaan Barber Komuniti.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zalihah Mustafa**, program tersebut bertujuan untuk mendaya-upayakan golongan yang berpendapatan rendah (B40).

"Bagi kategori belia, kita ada pembangunan belia dan mempunyai dua inisiatif yang penting iaitu berkaitan dengan

sukan dan perkara selain daripada itu."

"Untuk hari ini di antaranya adalah kita mendaya-upayakan mereka menjadi sebahagian daripada penggunting rambut. Sebab itu laksanakan di Perumahan Awam (PA) Seri Perlis ini dan jadikan ia pusat untuk digunakan," katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Pusat Barber Komuniti di PA Seri Perlis 2 pada Rabu.

Hadir sama Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan dan Sosioekonomi) Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Datuk Thomas @ Parang Abai; Datuk Bandar Kuala

Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif dan Pengurus Institut Keusahawan Negara (INSKEN), Mustaffa Kamil Ayub.

Beliau berkata, untuk program ini, peserta yang terlibat perlu melalui latihan bagi tempoh dua bulan dan pihaknya telah memilih empat peserta terbaik untuk diberikan peluang membuka Barber Komuniti.

"Kita berikan sewa yang sangat minimum iaitu pada kadar RM250 sebulan," katanya.

Zalihah berkata, pihaknya akan mempertimbangkan cadangan untuk memperluaskan konsep Barber Komuniti untuk seluruh parlimen di dalam Kuala Lumpur.



ZALIHA ketika melawat Bazar Ramadan tahun lalu.

Serah operasi Bazar Ramadan kepada DBKL

BANYAK CARA BOLEH KERJASAMA

AZLAN ZAMBRY

MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa tidak menolak kemungkinan untuk bekerjasama pada masa hadapan dengan persatuan penjaja dan peniaga kecil di Kuala Lumpur yang mengkritik keputusan beliau menyerahkan urusan dan operasi Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bermula Mac ini.

Katanya, sebagai menteri yang diamanahkan untuk menjaga hal ehwal Wilayah Persekutuan, pandangan mereka turut diperlukan bagi meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan bandar raya Kuala Lumpur.

"Jika persatuan-persatuan sedia ada hendak bekerjasama, mengapa tidak, kita hanya perlu duduk bersama dan berbincang, banyak cara yang boleh bekerjasama.

"Bazar Ramadan ini, ia bukan sekadar bermiaga, ia berkait dengan

kebersihan, keselamatan, tarikan pelancong dan ia banyak lagi peluang.

"Jangan berfikiran terlalu sempit sehingga menyebabkan ia berkisar kepada tapak dan lesen semata-mata," katanya kepada Wilayahku dalam wawancara khas sempena Hari Wilayah Persekutuan 2025 di pejabatnya baru-baru ini.

Beliau turut menegur kumpulan berkenaan yang memberi gelaran yang tidak wajar kepadanya termasuk tohmannan yang tidak berdasar disebabkan tindakan yang diambil untuk menangani isu berkenaan.

"Jika mereka sebut perkara yang tidak baik kepada pimpinan dan sekarang ini kerajaan, dan saya tidak ada masalah. Bagi saya sepatutnya mereka datang jumpa dan berbincang, tiada masalah kerana saya terbuka untuk sebarang perbincangan dan juga menerima aduan daripada rakyat.

"Bila ada aduan, kita mestilah

mendengar dan menyelesaikan masalah. Jadi rakyat kata, ini adalah keadaannya dan kadang kala kami bayar puluhan ribu, tetapi tak dapat tapak. Malah ada yang bayar pada persatuan yang kedua contohnya, mereka diberikan harga yang mahal bagi satu tapak. Namun sama ada betul atau tidak, itu saya tidak pasti kerana inilah aduan daripada rakyat dan kita perlu selesaikan," katanya.

Justeru itu, Zaliha memberitahu kesemua pihak perlu duduk berbincang untuk mendapatkan penyelesaian.

"Sebab itu saya katakan yang penyelesaiannya begitu. Mereka tidak berjumpa dan bercakap terus dengan saya.

"Tetapi bagi saya jika itulah sumber pendapatannya, sebenarnya ada banyak cara untuk kita bekerjasama kerana mereka juga sebahagian daripada komuniti dan kita perlu hidup sebagai satu masyarakat yang harmoni, bukannya individual sahaja," katanya. 

pelbagai program kemasyarakatan bagi meringankan beban dan membolehkan masyarakat terus mendapat bantuan sewajarnya.

"Tumpuan kami adalah untuk memastikan pelajar kategori asnaf dapat meneruskan pengajian mereka dengan bantuan sumbangan PTPTN. Diharapkan melalui program ini masalah keciciran persekolahan akibat kemiskinan dapat dikurangkan dengan akses pendidikan yang sama rata," katanya dalam satu kenyataan media.

Ahmad Dasuki berkata, bantuan tersebut disampaikan kepada salah seorang pelajar yang dipilih sebagai

anak angkat PTPTN di bawah Skim Anak Angkat Yayasan Pelajaran MARA (YPM).

"PTPTN menyambut baik kerjasama yang dijalankan bersama YPM dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) bagi menjayakan program ini. PTPTN juga turut mengalukan dan proaktif menjalankan kerjasama dengan pelbagai pihak bagi mengadakan program CSR untuk memastikan bantuan yang diberikan boleh merangkumi pelbagai golongan sasar," ujarnya.

Sementara itu, PTPTN dalam kenyataannya berkata, pelajar tersebut adalah salah seorang

YWP sumbang RM 18,000

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) meraikan seramai 60 orang ibu yang melahirkan bayi di Hospital Tunku Azizah (Wanita Dan Kanak-Kanak), Kuala Lumpur sempena Hari Wilayah Persekutuan.

Menurut Pengurus Jawatankuasa Eksekutif YWP, Dr Abdul Basir V Kunhimmohamed, bantuan sebanyak RM18,000 yang diagihkan dalam bentuk hamper dan kewangan itu bagi menyambut Hari Wilayah Persekutuan 2025 yang jatuh pada 1 Februari lalu.

"Selain golongan ibu, bantuan turut disampaikan kepada pesakit kanak-kanak yang memerlukan bantuan. Gimik penyerahan telah diadakan di Bilik Seminar Wad 7B bersama tiga pasangan ibu dan bayi diikuti lawatan dan penyerahan sumbangan di Wad Pediatrik 10D.

"Penghargaan khas diberikan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan pihak Hospital Tunku Azizah (Wanita Dan Kanak-Kanak) atas kerjasama erat memastikan kelancaran majlis dan mengagihkan bantuan kepada penerima yang layak.

"Terima kasih juga diucapkan kepada kakitangan perubatan yang sentiasa memberikan penjagaan kesihatan yang terbaik selain sokongan moral kepada pesakit wanita dan kanak-kanak yang ada," katanya.

Hadir sama Ahli Lembaga Pelawat Hospital Kuala Lumpur yang juga merupakan Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWP, Mohd Mustafa Ghazanfar.

Tambah beliau, sejak ditubuhkan pada tahun 1986, YWP kekal istiqamah dan komited dalam melaksanakan pelbagai program kebajikan dan pendidikan untuk seluruh warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan yang memerlukan.

"Melangkah ke tahun 2025, YWP terus memperkuuh kerjasama strategik dengan pelbagai agensi kerajaan, syarikat swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan individu yang prihatin dalam memastikan lebih ramai orang yang dapat kita bantu pada masa akan datang," katanya dalam kenyataan.

Dalam perkembangan lain, YWP turut menyerahkan bantuan sebanyak RM36,000 kepada 120 orang warga emas, asnaf, orang kurang upaya (OKU) dan para pejuang pendidikan yang uzur dan ditimpa masalah kelangsungan hidup serta memerlukan bantuan kecemasan dalam Majlis Tahli dan Doa Selamat Sempena Ulang Tahun ke-11 Alumni Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) Kebangsaan bertempat di Masjid Negara, Kuala Lumpur. 



SEKITAR sumbangan yang diadakan di HKL baru-baru ini.

PTPTN cuba atasi keciciran pelajar

DALAM usaha memberi kesedaran tentang kepentingan pendidikan dalam mengubah kehidupan diri dan keluarga, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mengadakan satu program kemasyarakatan.

Ketua Eksekutifnya, Ahmad Dasuki Abdul Majid berkata, melalui Program Harapan Kasih, pihaknya menyantuni dan menyampaikan bantuan kepada pelajar asnaf Maktab Rendah Sains MARA (MRSR).

"Dalam usaha meningkatkan akses pendidikan kepada semua pihak tanpa mengira latar belakang, PTPTN mengadakan

pelbagai program kemasyarakatan bagi meringankan beban dan membolehkan masyarakat terus mendapat bantuan sewajarnya.

"Tumpuan kami adalah untuk memastikan pelajar kategori asnaf dapat meneruskan pengajian mereka dengan bantuan sumbangan PTPTN. Diharapkan melalui program ini masalah keciciran persekolahan akibat kemiskinan dapat dikurangkan dengan akses pendidikan yang sama rata," katanya dalam satu kenyataan media.

Ahmad Dasuki berkata, bantuan tersebut disampaikan kepada salah seorang pelajar yang dipilih sebagai

anak angkat PTPTN di bawah Skim Anak Angkat Yayasan Pelajaran MARA (YPM).

"PTPTN menyambut baik kerjasama yang dijalankan bersama YPM dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs) bagi menjayakan program ini. PTPTN juga turut mengalukan dan proaktif menjalankan kerjasama dengan pelbagai pihak bagi mengadakan program CSR untuk memastikan bantuan yang diberikan boleh merangkumi pelbagai golongan sasar," ujarnya.

Sementara itu, PTPTN dalam kenyataannya berkata, pelajar tersebut adalah salah seorang

yang terpilih menerima penajaan elaun persekolahan secara bulanan sebanyak RM100 selama lima tahun.

"Ia melibatkan jumlah keseluruhan sebanyak RM6,000 manakala sumbangan dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime secara one-off turut diberikan berjumlah RM200.

"Selain itu, pelajar tersebut turut menerima sebuah peranti untuk memudahkan sesi pembelajaran dan bantuan makans berupa barang keperluan harian bagi membantu meringankan beban kewangannya. Dalam pada itu, YPM juga tidak ketinggalan memberikan

sumbangan bukal makanan pada program yang sama," katanya.

Tambahnya, melalui Skim Anak Angkat YPM, PTPTN telah memberi penajaan elaun persekolahan dan sumbangan akaun Simpan SSPN Prime secara one-off kepada 50 orang anak angkat terpilih dalam kategori asnaf yang berumur 13 tahun selama lima tahun mulai tahun 2022 hingga tahun 2028 bagi persekolahan Tingkatan 1 sehingga Tingkatan 5.

"Penajaan ini melibatkan peruntukan berjumlah RM370,000 melalui zakat PTPTN di Majlis Agama Islam dan MAIPs," katanya. 



Bil 300 . 7 - 13 FEBRUARI 2025

BARAN MEMBAWA BARAI

>>10-11



KAWAL MARAH ELAK MEMBARAH

DIANA AMIR & SABRINA SABRE

BARU-BARU ini negara kita digemparkan dengan insiden memalukan apabila seorang lelaki orang kurang upaya (OKU) ditendang di kepala dan dilemparkan mi goreng di khalayak ramai.

Tindakan ini jelas mencerminkan hilangnya budi bahasa, belas kasihan dan empati dalam kalangan masyarakat kita.

Walaupun lelaki OKU terbabit mungkin berkelakuan tidak sesuai pada awalnya, tidak wajar untuk mangsa diperlakukan dengan cara begitu kejam. Soalnya, di manakah nilai murni dan adab masyarakat apabila berdepan ujian ini?

Anggota Lembaga Kaunselor Malaysia, **Profesor Madya Dr Azmawaty Mohamad Nor** berkata, sikap yang ditunjukkan ini berkemungkinan besar berpunca daripada emosi panas baran dan mudah hilang kawalan dalam sesuatu tindakan.

“Panas baran merujuk kepada sikap seseorang yang mudah marah dan melenting. Individu yang panas baran sering melafazkan tutur kata yang kasar dan menunjukkan tingkah laku agresif.

“Setiap hari, masyarakat dihidangkan dengan laporan berita yang berpunca daripada panas baran. Istilah ‘darah panas’ atau panas baran ini merujuk kepada ketidakupayaan mengawal emosi semasa marah. Individu sebegini sangat sensitif, baru dicuit bahu sudah hendak marah, baru bercakap sedikit sudah menarik muka.

“Walaupun ada yang tidak mengekspresikan kemarahan mereka melalui teriakan atau makian, namun reaksi mereka jelas menunjukkan sifat seorang yang pemarah. Kemarahan ini juga sering diluahkan dalam bentuk perlakuan kasar atau cacian terhadap orang lain.

“Selain kes OKU tersebut, pernah juga berlaku satu kejadian di mana seorang penganggur mencederakan isterinya dengan sebilah pisau. Kejadian ini berpunca daripada sikap suka melenting dan ‘naik tangan’ terhadap pasangan. Berdasarkan pemerhatian, sebenarnya banyak kes kehancuran rumah tangga berpunca daripada sikap panas baran, malah ada kes tragis yang turut berakhir dengan kematian,” katanya.

Menurut beliau, akar permasalahan sikap agresif dan panas baran ini sering berkait dengan kesihatan mental yang tidak stabil.

“Kesukaran mengawal emosi dan tekanan hidup boleh mencetuskan tingkah laku agresif yang merugikan diri sendiri dan memberi kesan

kepada ahli keluarga serta masyarakat sekeliling.

“Perlakuan panas baran ini juga boleh diwarisi melalui pembelajaran sosial yang mana anak-anak yang membesar dalam keluarga yang panas baran cenderung meniru perlakuan ini, iaitu dalam teori tingkah laku dipanggil *modeling*.

“Walaupun pada mulanya mereka berasa takut, lama-kelamaan mereka menjadi terikut-ikut. Ini menghasilkan kitaran keganasan atau *vicious cycle*, di mana percubaan menyelesaikan satu masalah mewujudkan masalah baharu yang membawa kita kembali kepada situasi asal,” katanya.

AMAL TEKNIK 3R

BELOIAU berkata dalam menangani permasalahan ini, pendekatan holistik amat diperlukan.

“Intervensi psikologi, sokongan kesihatan mental dan bantuan daripada



kaunselor atau pakar profesional adalah sangat penting.

“Usaha pencegahan juga

memainkan peranan utama dalam memberikan pemahaman yang lebih baik tentang keperibadian diri dan tahap kesihatan mental.

Justeru, teknik 3R boleh menjadi panduan yang berkesan.

“Teknik 3R iaitu *retract*, *rethink* dan ‘*respond*’

sebenarnya mampu membantu mengawal perasaan dengan lebih baik.

“Retract bermaksud berundur seketika daripada punca kemarahan, memberi ruang untuk mendapatkan jarak emosi dan mengelakkan tindakan impulsif.

“Rethink pula bermakna berfikir semula tentang isu sebenar dan mencari penyelesaian yang efektif. Akhir sekali, *respond* merujuk kepada gaya bertindak yang lebih waras dan terkawal,” katanya.

Dalam masa sama, Azmawaty berkata prinsip 90-10 juga boleh diamalkan, di mana 90 peratus adalah keadaan yang boleh dikawal, manakala 10 peratus adalah di luar kawalan kita.

“Kita perlu mendidik diri untuk sentiasa berfikir positif. Sebelum bertindak, pertimbangkan sama ada perkara tersebut berada dalam kawalan kita atau tidak.

“Dalam kes OKU tersebut, sekiranya ia di luar kawalan, ia tergolong dalam 10 peratus perkara yang tidak boleh dikawal. Lebih baik bermuhasabah diri dan memahami punca sebelum bertindak melulu,” katanya.

Selain itu, beliau berkata lawan kepada sifat panas baran adalah penyayang.

“Oleh itu, amat penting untuk kita memupuk kelembutan dan kasih sayang dalam diri.

“Dalam ajaran Islam, ‘Apabila salah seorang daripada kamu marah, dan ketika itu ia dalam keadaan berdiri, maka hendaklah ia duduk. Kerana hal itu akan menghilangkan marahnya. Dan kalau tidak, maka hendaklah ia berbaring.’ (Riwayat Muslim)

“Diharapkan saranan langkah-langkah holistik ini dapat mengatasi sikap panas baran yang melampau, sekali gus memutuskan kitaran keganasan yang boleh membahayakan generasi akan datang,” katanya.



AZMAWATY

BELIAU berkata dalam menangani permasalahan ini, pendekatan holistik amat diperlukan.

“Intervensi psikologi, sokongan kesihatan mental dan bantuan daripada



Tidak cukup ceramah ‘berbalut’ agama

INSIDEN orang kurang upaya (OKU) dipukul atau didera yang sering berlaku kini membuktikan masyarakat tidak boleh dididik hanya dengan ceramah berbalut keagamaan semata-mata.

Menurut Pengarah Pusat Kajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban Raja Zarith Sofiah (RZS CASIS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), **Dr Mohd Hilmi Ramli**, masyarakat memerlukan lebih banyak majlis ilmu, aktiviti, program dan kegiatan yang memupuk kasih sayang serta hormat-menghormati antara satu sama lain.

“Mereka yang melakukan penderaan terhadap golongan OKU adalah kerana kegagalan dalam menguruskan emosi serta kemarahan. Mereka zero sensitive atau cepat melatah dengan kesilapan yang dilakukan OKU sama ada secara sengaja atau tidak.

“Boleh dikatakan juga hilangnya sifat rahmah terhadap orang lain membuatkan mereka rasa diri mereka layak membuli, mendera, memukul individu yang lemah. Amatlah malang sebenarnya apabila orang yang sihat membuli orang yang tiada



MOHD HILMI

keupayaan,” katanya kepada Wilayahku.

Mohd Hilmi berkata, pembulian ini bukan sahaja berlaku dalam kalangan generasi muda kepada generasi tua sahaja tetapi juga terdapat senario sebaliknya.

“Sebagai contoh baru-baru ini tular berkenaan insiden OKU dipukul

di tapak pasar tani di Chukai, Terengganu yang mengundang marah banyak pihak dan tindakan sewajarnya juga sedang diambil.

“Sebelum ini juga kita digemparkan dengan kes penderaan adik Bella yang didera dan diabaikan oleh pengasas Rumah Bonda dan telah dijatuhkan hukuman penjara 12 tahun selepas disabit kesalahan atas dua pertuduhan. Ini membuktikan penderaan terhadap OKU ini boleh berlaku kepada sesiapa sahaja tidak kira tua atau muda,” katanya.

Mengulas lanjut, Mohd Hilmi berkata kes penderaan ini juga membuatkan masyarakat akan menerima hukum rimba sebagai jalan penyelesaian.

“Mereka tidak sabar untuk menyelesaikan masalah yang mungkin ditimbulkan secara sengaja atau tidak sengaja oleh OKU, lalu

mereka menyelesaikan sendiri.

“Sebagai orang dewasa yang waras akal fikirannya, sekiranya berlaku sesuatu masalah atau kesilapan, perlulah bertanya dengan tenang atau bawa perkara tersebut ke pihak berwajib bukan menghukum dengan cara membuli atau memukul sesuka hati.

“Dengan tindakan yang dibuat sendiri kelak akan menimbulkan permasalahan yang lain sekali gus memberi imej negatif kepada individu-individu yang terlibat,” ujarnya.

Jelasnya lagi, sebagai manusia yang bertakwa perlu memperbanyak muhasabah diri kerana manusia tiada hak untuk membuli manusia lain.

“Media juga perlu memainkan peranan dengan menunjukkan budaya hormat-menghormati kepada orang yang lemah seperti OKU, autistik dan sebagainya.

“Langkah terbaik untuk mengatasi penderaan OKU ini adalah kita kena faham agama dengan sebenarnya khususnya mengikuti cara Baginda Nabi berinteraksi dan melayani golongan yang lemah.

“Diharapkan juga semua pihak dapat mengambil ikhtibar daripada apa yang telah berlaku dan bergerak ke arah mewujudkan masyarakat yang lebih bertamadun,” katanya.



KOMEN NETIZEN

@mrcryp7o

- boikot pasar tu... masyarakat sekitar harus malu.. takde langsung sikap ehsan dan insan..

@SyedAkramin

- Yang lebih merisaukan pasal insiden pukul OKU ini ialah cuba lihat sekeliling, tak ada seorang pun yang cuba halang. Umpama satu persembahan lihat binatang diseksa. Rosak teruk masyarakat kita. Hilang terus sifat manusia.

@iamaminidris

- BUDAYA GENGSTER... bila tak puas hati, pukul. Bila nak marah, pukul. Orang buat salah bukan LESEN untuk kita pukul beramai-ramai. Apatah lagi ke atas OKU. Kita ada agama, kita ada undang-undang. Kita bangsa bertamadun. Bukan undang-undang rimba

@wnhsevond

- I am so sad to see orang pukul orang OKU mental tu. Hancur hati ni. Please let me know if anyone kenal pakcik tu and the family, I will try to help as much as I can Tolong dm saya, tolong sesiapa tahu keadaan sekarang please bagitahu saya.

@adiburhan

- Kita yg waras ni kita tak akan pukul org yg tak melawan kita. Tolak tepi sentimen kenegerian & politik, sebenarnya gagalkah kita mendidik masyarakat? Moga polis & pihak berkuasa dpt heret mereka yg pukul OKU ni ke muka pengadilan.

@bowchickabawow_

- Stillah, OKU ke tak OKU, perbuatan pukul orang sebab terlanggar makanan tu very *inhumane*. Dahlah dipukul, dimalukan, dilayan hina depan orang ramai. Sampai seret orang tu, melampau betul. Hilang kewarasannya dah.

@Lilsssls

- Negara ada undang-undang. Takde hak nak pukul orang. And bila baca komen-komen, orang Kemaman dan sekitar tu memang aware yang dia OKU mental. Yang ramai-ramai pukul dia tu OKU mental gak ke?

@srasy_

- Tak sanggupnya tengok video pakcik oku kena pukul tu, Ya Allah.. taktau kat mana belas kasihan dan ihsan sebagai seorang manusia, kejam & zalim sangat aniyai orang Semoga Allah permudahkan segala urusan pakcik tersebut, diberi kesembuhan dan justice yang sepatutnya Amiiin

KES PENDERAAAN OKU DI MALAYSIA

17 JANUARI 2025

TULAR di media sosial satu video di mana lelaki OKU mental telah dipukul, disepak dan ditendang oleh beberapa orang. Difahamkan kejadian berlaku kira-kira pukul 9.30 pagi apabila mangsa yang menunggang motosikal secara tidak sengaja melanggar sebuah gerai jualan di tapak pasar tani Jalan Padang Astaka, Chukai, Kemaman menyebabkan barang jualan seorang peniaga bertaburan sebelum mangsa didakwa dipukul. Mangsa yang turut mengalami masalah mental dibawa ke Hospital Kemaman untuk menerima rawatan sebagai pesakit luar.

Sehingga 24 Januari lalu, enam suspek dipercayai terlibat dalam kes itu telah ditahan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 147 Kanun Kesejahteraan dan pada 23 Januari, Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengesahkan kertas siasatan telah dirujuk ke Jabatan Peguam Negara dan hasil penelitian serta semakan keterangan, Timbalan Pendakwa Raya telah mengarahkan pihak polis mendapatkan laporan lengkap perubatan mangsa dari Hospital Kemaman.

2 NOVEMBER 2023

TIGA beranak dihukum penjara oleh Mahkamah Majistret Gemas, Negeri Sembilan kerana didapati mendera seorang wanita OKU berusia 21 tahun.

Hukuman penjara 36 bulan dan dua sebatan dikenakan terhadap teman lelaki OKU berkenaan kerana didapati dengan sengaja menyebabkan kecederaan menggunakan playar, puntung rokok dan minyak petrol. Ibu kepada teman lelaki pula dikenakan penjara 12 bulan dan denda RM5,000 kerana dengan sengaja menyebabkan kecederaan terhadap wanita OKU itu menggunakan besi spanar pembuka tayar. Adik kepada teman lelaki juga dituduh dengan sengaja menyebabkan kecederaan terhadap wanita itu dengan

menggunakan batang penyapu dan dikenakan hukuman penjara 24 bulan serta denda RM4,000.

25 MAC 2023

JABATAN Kebajikan Masyarakat (JKM) menilai laporan siasatan polis dan hospital berhubung kes tiga beradik lelaki dipercayai didera di Kangar, Perlis.

Ia berkaitan laporan mengenai mangsa termasuk dua OKU ditemukan penduduk kampung dalam keadaan lemah dengan kaki berantai di tepi sebuah titi, di Jalan Kampung Tambun Tulang, Simpang Empat.

3 OKTOBER 2021

SEORANG pengasuh wanita warga Singapura ditahan kerana disyaki mendera seorang kanak-kanak lelaki orang kurang upaya (OKU) autisme di sebuah pusat asuhan di Ampang di mana mangsa dipercayai didera pada 1 Oktober lepas antara 8.45 pagi hingga 12.45 tengah hari selepas bapanya mengambil anaknya, selain menemukan kesan lebam pada bahagian bahu sebelah kiri dan di kedua-dua belah mata.

Walau bagaimanapun, wanita tersebut mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Ampang pada 13 Oktober 2021.

JULAI 2021

NEGARA digemparkan dengan kes penderaan di sebuah rumah jagaan di Kuala Lumpur membabitkan mangsa OKU, dikenali sebagai Bella.

Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur pada 3 Mei 2023 menjatuhkan hukuman penjara 12 tahun ke atas pengasas rumah jagaan berkenaan, Siti Bainun Ahd Razali selepas disabitkan dua pertuduhan mengabai dan menganiaya remaja OKU tersebut.

KEMERIAHAN SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2025

SYUQQREE DAIN
Foto: JABATAN KHIDMAT PRODUKSI

SAMBUTAN Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2025 yang disambut pada tanggal 1 Februari setiap tahun berlangsung penuh warna-warni dengan pelbagai pengisian menarik dianjurkan. Bertemakan ‘Wilayah Persekutuan Kita’, program yang dirancang oleh Jabatan Wilayah Persekutuan serta agensi berkaitan bertujuan mendekatkan rakyat dengan pelbagai aspek kehidupan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Antara acara utama yang mencuri tumpuan adalah Hari Terbuka Pertanian Bandar dan Kelulut Putrajaya 2025 yang diserikan dengan kehadiran Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa. Acara yang dianjurkan oleh Perbadanan Putrajaya ini memberi peluang kepada orang ramai untuk melihat lebih dekat industri pertanian bandar yang semakin berkembang pesat.

Bagi pemancing tegar, Cabaran Joran Kuala Lumpur 2025 anjuran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

(DBKL) turut diadakan. Acara memancing yang berlangsung di Taman Tasik Danau Kota ini menyaksikan penyertaan peserta yang berlumba-lumba untuk merangkul gelaran juara bagi membawa pulang wang tunai berjumlah RM5,000.

Larian Hari Wilayah Persekutuan 2025 yang diadakan di Jambatan Putra, Putrajaya juga menjadi aktiviti yang dinanti-nantikan oleh para penggemar sukan. Di samping itu, acara Kuala Lumpur Car Free Morning Edisi SHWP 2025 turut memberi ruang kepada orang ramai untuk menikmati keindahan kota tanpa kenderaan sambil melakukan aktiviti riadah bersama keluarga.

Tidak ketinggalan, Majlis Pelancaran Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan Labuan menjadi acara simbolik

yang menandakan semangat kebersamaan dan kecintaan terhadap Wilayah Persekutuan.

SHWP 2025 memperlihatkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat sambil memperkenalkan pelbagai program yang memberi manfaat kepada rakyat. 



ZALIHA melawat tapak pertanian bandar sempena Majlis Perasmian Hari Terbuka Pertanian Bandar Dan Kelulut Putrajaya 2025 di Taman Botani Putrajaya.





DATUK Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Maimunah Mohd Sharif meluangkan masa beramah mesra bersama para peserta Cabaran Joran Kuala Lumpur.



WARGA Labuan turut serta pada Program Pelancaran Kempen Kibar Bendera Wilayah Persekutuan Labuan.



ORANG ramai tidak melepaskan peluang menyertai acara KL Car Free Morning Edisi SHWP 2025.

SEKAYA LABU HIDANGAN ZAMAN SILAM

AINI MAWAWI
Foto: HASIF HALIMI

KUIH sekaya labu merupakan antara juadah tradisional turun-temurun pilihan ramai yang tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas merentasi zaman-berzaman.

Berasal dari negeri pantai timur, kehebatan kuih tradisional yang sering dijadikan hidangan minum petang ini tiada tandingannya malah turut memiliki penggemarnya yang tersendiri.

Ber cerita lanjut tentang juadah evergreen ini, pemilik RumahKueh Kak Zu, **Zuraini Mamat**, 54, berkata, kelazatan kuih dari negeri Terengganu ini bergantung kepada kesemua bahan yang digunakan antaranya santan, labu dan telur.

"Labu merupakan bahan utama yang kita kena pastikan empuk, untuk mendapatkan labu yang lembut, biasanya terlihat pada kulitnya yang berwarna kuning."

"Dari segi pemilihan santan pula, mestilah yang segar dan pekat bukan santan kotak, selain itu, kita perlu menggunakan telur yang baru kerana telur yang segar memainkan peranan penting dalam memastikan kuih sekaya labu ini terlihat cantik," ujarnya.

Berbicara lanjut, wanita yang mesra disapa Kak Zu ini berkata, selain daripada bahan-bahan utama, apa yang perlu diberi perhatian adalah cara memasak juadah tersebut.

"Kuih sekaya labu ini tidak boleh dikukus terlalu lama. Jika lebih daripada 30 minit, akan terdapat banyak air yang jatuh dan menyebabkan bahagian atas kuih tersebut menjadi putih sekali gus akan terlihat tidak cantik dan kurang menyelerakan."

"Kalau di RumahKueh, kita memang ada sukatan yang tepat supaya kualiti kuih ini akan sentiasa terjamin," ujarnya bahan-bahan tersebut tidak boleh dikisar terlalu lama kerana akan menghasilkan banyak buih.

Menurut Zuraini, dia baru

sahaja menghasilkan kuih tersebut memandangkan ia mendapat permintaan tinggi daripada pelanggan RumahKueh yang berasal dari Terengganu.

"Kita baru sahaja jual kuih sekaya labu dalam tempoh dua bulan kebelakangan ini. Sebenarnya orang di sebelah Kuala Lumpur tidak berapa pandai makan kuih ini sebab beranggapan ia terlalu manis tetapi apabila kita mula jual, tak sangka ramai pula peminatnya."

"Pelanggan dari negeri pantai timur pula seronok dan mengakui kuih sekaya labu yang dihasilkan RumahKueh 'kena' dengan selera mereka dan yang paling penting katanya, mereka tidak perlu pergi jauh ke Terengganu untuk mendapatkannya," ujar Kak Zu harga bagi satu pek kuih sekaya labu adalah RM6.

Selain daripada sekaya labu, antara kuih tradisional yang menarik perhatian pelanggan adalah koleh kacang yang dihasilkan kerana keistimewaannya yang tersendiri.

"Istimewanya kuih ini dari segi tahi minyaknya, kalau banyak baru orang akan puas makan. Petua untuk memastikan ia sedap, mesti menggunakan santan asli bukan kotak untuk menghasilkan tahi minyak," ujar ibu kepada empat orang cahaya mata ini kepada Wilayahku.

Selain kuih sekaya labu dan koleh kacang, RumahKueh turut menghasilkan lebih daripada 70 kuih tradisional setiap hari antaranya cucur badak, karipap pusing, seri muka, tepung gomak, cara berlauk dan kuih lapis.

KEKAL CARA TRADISIONAL

LEBIH 25 tahun berkecimpung dalam pembuatan kuih tradisional, Kak Zu berkata, kualiti adalah faktor utama yang perlu sentiasa dijaga dalam memastikan kuih yang dihasilkan kekal relevan dalam kalangan pelanggan yang ada.



KUIH sekaya labu merupakan antara juadah popular Pantai Timur.

"Walaupun sudah ada pelanggan setia tetapi kualiti tetap perlu diutamakan. Kuih tradisional ini dari dahulu sampai sekarang, rasa sama sahaja, tak ada yang berubah."

"Cuma dari segi harga itu, memanglah akan ada kenaikan bergantung kepada bahan mentah. Misalnya tahun 2002 dulu, kuih seri muka seloyang RM18 berbanding hari ini RM70 seloyang. Itu perkara

biasa seiring perubahan masa," ujarnya yang mempunyai 30 orang pekerja.

Tambahnya, dia sentiasa memastikan kuih yang dihasilkan dapat mengekalkan rasa *homemade* kerana itu adalah kekuatan RumahKueh sejak dari dahulu lagi.

"Kita bukan buat jualan komersial yang menggunakan mesin sepenuhnya dalam pembuatan kuih. Lagi pula terdapat perbezaan jika kita buat secara tradisional dan menggunakan mesin."

"Contohnya jika kita uli doh menggunakan mesin pengadun, untuk buat doh, kita terpaksa tambah tepung untuk memastikan ia boleh diproses oleh mesin, jadi daripada situ, sukanan tepung untuk kuih yang dihasilkan akan terlebih sedikit, rasa akan lari," ujarnya buat masa sekarang RumahKueh masih menggunakan cara tradisional.

Selain daripada menjual kuih, Kak Zu turut mendapat tempahan katering dan mengadakan kelas mempelajari cara membuat kuih tradisional yang terbuka kepada sesiapa sahaja yang berminat. 



TERDAPAT lebih 70 jenis kuih tradisional di RumahKueh.

LINDUNGI PERKEMBANGAN SOSIAL ANAK ANDA

DR NOR HAZRUL MOHD SALLEH

DALAM era digital yang semakin berkembang, media sosial telah menjadi elemen penting dalam kehidupan sehari-hari. Namun, akses tanpa kawalan kepada platform ini, terutamanya oleh kanak-kanak bawah umur, telah menimbulkan kebimbangan yang serius dalam kalangan ibu bapa, pendidik dan pihak berkuasa.

Cadangan untuk menghadkan penggunaan media sosial kepada golongan ini telah dibangkitkan dengan tujuan melindungi kesihatan mental, fizikal dan perkembangan sosial mereka.

Banyak kesan negatif media sosial terhadap kanak-kanak. Antaranya ketagihan, buli siber, pendedahan kepada kandungan tidak sesuai dan tekanan sosial akibat perbandingan hidup yang sering tidak realistik.

Kajian menunjukkan bahawa masa yang terlalu lama dihabiskan di media sosial boleh menjelaskan kesihatan mental kanak-kanak, seperti peningkatan risiko kemurungan, kegelisahan dan rasa rendah diri.

Oleh itu, mengehadkan penggunaan media sosial dapat membantu melindungi kesejahteraan mereka. Selain itu, langkah ini juga akan memperkuatkhan hubungan sosial dan akademik kanak-kanak.

Tanpa gangguan media sosial, kanak-kanak dapat lebih fokus kepada pembelajaran dan pembangunan kemahiran interpersonal mereka, seperti berkomunikasi secara bersemuka dan membina hubungan bermakna dengan rakan sebaya serta keluarga.

Untuk memastikan cadangan ini dapat dilaksanakan dengan berkesan, beberapa langkah perlu diambil. Platform media sosial perlu memainkan peranan dengan menetapkan kawalan umur dan had masa penggunaan.

Teknologi seperti pengecaman wajah atau kod pengesahan umur boleh digunakan untuk memastikan pengguna berumur sesuai.

Ibu bapa perlu diberi panduan untuk mengawasi penggunaan media sosial anak-anak mereka. Pendidikan kepada ibu bapa mengenai risiko media sosial serta kaedah memantau penggunaan peranti oleh anak-anak boleh membantu membentuk tabiat digital yang sihat.

Manakala kerajaan pula boleh menggubal undang-undang khas untuk melindungi kanak-kanak dalam talian. Sebagai contoh, undang-undang boleh menetapkan had masa penggunaan media sosial untuk kanak-kanak bawah umur dan mengenakan hukuman kepada platform yang gagal mematuhi peraturan ini.

Mengehadkan penggunaan media sosial kepada kanak-kanak bawah umur adalah langkah penting dalam melindungi kesejahteraan mereka di dunia digital yang semakin kompleks. Walaupun terdapat cabaran dalam pelaksanaannya, manfaat kepada kesihatan mental, keselamatan dalam talian dan pembangunan sosial kanak-kanak adalah sangat besar.



PENGETUA KOLEJ KEDIAMAN UMEC, PUSAT PENDIDIKAN UNIVERSITI MALAYA, BACHOK, KELANTAN



KURANG pergantungan kepada interaksi maya memberi peluang kepada kanak-kanak untuk bangunkan kemahiran komunikasi secara bersemuka.

Oleh itu, kerjasama antara ibu bapa, kerajaan dan syarikat teknologi amat diperlukan untuk merealisasikan cadangan ini demi generasi muda yang lebih sihat dan seimbang.

Media sosial merupakan fenomena global yang memberi kesan besar kepada masyarakat, termasuk kanak-kanak bawah umur. Walaupun teknologi ini membawa banyak manfaat, ia juga menimbulkan pelbagai risiko kepada golongan muda.

Cadangan untuk mengehadkan penggunaan media sosial kepada kanak-kanak bawah umur wajar dipertimbangkan berdasarkan beberapa kebaikan:

- Melindungi kesihatan mental:** Media sosial boleh menyebabkan tekanan mental dalam kalangan kanak-kanak akibat buli siber, perbandingan sosial dan pengaruh kandungan negatif. Dengan mengehadkan penggunaan, kanak-kanak dapat mengurangkan pendedahan kepada elemen-elemen ini, sekali gus membantu menjaga kestabilan emosi dan mental mereka.

- Mengelakkan ketagihan teknologi:** Penggunaan media sosial yang berlebihan boleh menyebabkan ketagihan yang mengganggu kehidupan harian. Sekatan ini membantu kanak-kanak membina keseimbangan dalam kehidupan mereka dengan memberi lebih banyak masa untuk aktiviti seperti bersukan, membaca atau berinteraksi secara langsung.

- Keselamatan dalam talian:** Media sosial sering menjadi platform untuk eksploitasi kanak-kanak, sama ada melalui pendedahan kepada kandungan tidak sesuai atau manipulasi oleh pihak tidak bertanggungjawab. Had umur dan masa penggunaan boleh mengurangkan risiko ini dengan mengehadkan akses kanak-kanak kepada situasi berbahaya.

- Peningkatan fokus akademik:** Dengan

mengehadkan masa penggunaan media sosial, kanak-kanak dapat memberi lebih perhatian kepada pembelajaran dan aktiviti pembangunan diri. Ini membantu mereka mencapai prestasi akademik yang lebih baik dan memperkuatkhan asas pengetahuan mereka.

Mengehadkan penggunaan media sosial kepada kanak-kanak bawah umur dapat memberikan impak yang signifikan kepada sistem pendidikan, terutamanya dalam membentuk generasi yang lebih fokus, seimbang dan produktif.

Kanak-kanak dapat memberi lebih perhatian kepada pelajaran. Ini membantu membina disiplin diri, yang penting untuk kejayaan jangka panjang dalam pembelajaran. Kurangnya gangguan digital membolehkan mereka melibatkan diri secara lebih mendalam dalam aktiviti pembelajaran seperti membaca, menulis dan penyelesaian masalah.

Kurangnya pergantungan kepada interaksi maya memberi peluang kepada kanak-kanak untuk membangunkan kemahiran komunikasi dan hubungan interpersonal secara bersemuka, yang merupakan aset penting dalam dunia profesional.

Kanak-kanak yang kurang terdedah kepada tekanan media sosial lebih cenderung untuk memiliki kestabilan emosi. Ini membolehkan mereka menghadapi cabaran akademik dan sosial dengan lebih baik dalam jangka masa panjang.

Dengan pendedahan kepada teknologi yang terhad tetapi berkualiti, kanak-kanak dapat memahami penggunaan teknologi secara bertanggungjawab, yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat yang lebih matang dalam penggunaan digital.

Langkah ini membawa kesan baik kepada sistem pendidikan. Dengan masa yang lebih

banyak diluangkan untuk pembelajaran dan kurang terbuang pada media sosial, prestasi akademik pelajar dapat meningkat. Mereka juga dapat memanfaatkan masa tambahan untuk aktiviti kurikulum yang menyumbang kepada pembangunan holistik.

Sekatan terhadap media sosial membantu mencipta persekitaran pembelajaran yang kurang terganggu, sama ada di rumah atau di sekolah. Ini menjadikan pelajar lebih berupaya menyerap ilmu dan menguasai kemahiran baharu.

Begitu juga apabila media sosial dihadkan, kanak-kanak dapat memanfaatkan teknologi untuk tujuan pendidikan seperti pembelajaran dalam talian, latihan kod atau membaca bahan rujukan digital. Ini menjadikan teknologi alat pendidikan yang lebih produktif.

Manakala dengan kesedaran terhadap kesan media sosial, kurikulum sekolah boleh diperbaharui untuk memasukkan modul literasi digital dan etika penggunaan teknologi. Pelajar akan diajar tentang bagaimana menggunakan teknologi dengan bijak dan bertanggungjawab.

Langkah mengehadkan penggunaan media sosial kepada kanak-kanak bukan sahaja melindungi mereka daripada risiko digital tetapi juga membawa manfaat besar kepada sistem pendidikan.

Ia membantu mencipta generasi pelajar yang lebih fokus, seimbang dan cekik digital, sekali gus menyumbang kepada pembangunan masyarakat yang lebih berilmu dan bertanggungjawab. Dalam jangka panjang, sistem pendidikan akan menjadi lebih efektif dan relevan dalam membentuk modal insan yang berkualiti.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.



CERMIN DAN MAKNA KRITIKAN

KU SEMAN KU HUSSAIN

SAYA percaya hampir semua dalam kalangan kita begitu akrab dengan cermin, tidak kira sama ada di kediaman, kenderaan atau di tempat kerja. Malah di banyak tempat mencuci tangan juga disediakan cermin. Tujuannya untuk pengunjung restoran memastikan wajah tidak comot selepas menikmati juadah.

Cermin menjadi bahagian yang penting bagi sebuah meja solek dan bilik termasuk di ruang tamu. Biar sekecil mana sekalipun sesbuah kediaman itu, cermin adalah keperluan kepada penghuni kediaman berkenaan.

Biasanya cermin juga menjadi sebahagian aksesori hiasan dalam sesbuah rumah. Dengan bingkai yang berbagai-bagai reka bentuk, kerap kali juga harga cermin

ditetukan oleh keunikkan bingkai. Semakin besar dan unik maka semakin tinggilah harganya. Misalnya bingkai cermin di rumah golongan B40 berbeza dengan T20 atau yang lebih tinggi lagi status sosial mereka.

Bagaimanapun yang utama adalah cermin, bukan bingkainya. Sebuah cermin yang tidak berbingkai tetap memberi manfaat berbanding bingkai yang unik ukirannya tetapi tidak ada cermin. Bingkai tidak berguna kalau tidak menempel pada cermin. Kalau diberi pilihan jadilah cermin bukan bingkai.

Dalam kehidupan, cermin dikaitkan dengan kejujuran. Cermin memantulkan sosok atau wajah yang berada di depan tanpa kompromi dalam hal-hal ketepatan. Semuanya sama seperti sosok di depan cermin dan yang dipantul daripada cermin itu. Kalau cantik maka cantiklah pantulannya.

Tanpa cermin manusia mungkin tidak dapat melihat wajah mereka dengan setepatnya. Sekalipun boleh mendapatkan gambaran daripada orang lain, tetapi sifat manusia tidak sejurus cermin. Mungkin ada yang menokok tambah daripada yang dilihat itu.

Manusia sentiasa ada kecenderungan memanipulasi sama ada memuji atau sebaliknya. Mungkin ada kepentingan tertentu

sekalipun sesebuah kediaman itu, cermin adalah keperluan kepada penghuni kediaman berkenaan. Biasanya cermin juga menjadi sebahagian aksesori hiasan dalam sesbuah rumah.

Dengan bingkai yang berbagai-bagai reka bentuk, kerap kali juga harga cermin



ALANGKAH baiknya kalau bersikap terbuka seperti menerima hakikat diri di depan cermin.

memilih menokok tambah dan memuji akan kecantikan wajah di depannya. Tetapi hal itu tidak berlaku pada cermin yang memantulkan sejurnya wajah atau sosok siapa sahaja.

Tidak kira sama ada berbingkai ukiran kayu yang mahal atau tidak, sebuah cermin kekal dengan kejujuran yang tidak boleh digugah. Disebabkan hal demikian, cermin lebih diyakini berbanding manusia yang cenderung mengada-adakan sesuatu yang tidak ada. Atau menyembunyikan sesuatu yang ada.

Berbeza dengan benda-benda lain dalam kehidupan kita, cermin adalah satu-satunya memberikan gambaran tepat terhadap apa sahaja di depannya. Hal itu amat bertepatan sekali dengan pesan orang tua-tua, belajarlah dari sifat cermin yang jujur dan terimalah sesuatu kritikan seperti kita berdiri di depan cermin.

Sekalipun begitu kita sering terlupa bahawa setiap tindakan, kata-kata dan sikap yang ditunjukkan di depan khalayak itu juga seperti berdiri di depan cermin. Keadaan itu membuatkan orang lain menilai kita yang sebenarnya, tidak semestinya sebagaimana yang kita mahukan.

Maka orang yang melihat keadaan sebenar

itu boleh mengkritik atau menegur supaya yang tidak sempurna itu dapat diperbaiki untuk masa yang akan datang. Itulah kritikan jujur seperti sebuah cermin.

Bagaimanapun kritikan sering kali disalahertikan sebagai serangan peribadi atau cubaan untuk menjatuhkan keduduan seseorang. Padahal sebenarnya kritikan adalah cermin yang konstruktif dan semestinya dipandang sebagai peluang untuk memperbaiki diri. Hal itu sama seperti kita melihat diri di dalam sebuah cermin.

Seperti cermin yang memperlihatkan kekurangan pada wajah kita, kritikan yang jujur memberikan pandangan objektif tentang kelemahan atau kesilapan yang mungkin tersembunyi dari pandangan sendiri. Melihat diri dalam cermin seharusnya menjadi proses yang membantu kita memahami sesuatu kritikan dengan lebih baik.

MELIHAT DIRI DENGAN MENDALAM

DENGAN melihat diri yang sebenar dalam cermin, kita dapat melihat diri dengan lebih mendalam, mengenali kelebihan dan kelemahan, serta memperbaiki diri dari semasa ke semasa. Tanpa kesedaaan melihat diri sebagaimana adanya, kita tidak akan dapat berkembang dan menjadi lebih baik.

Dengan demikian, cermin melampaui hanya benda yang biasa dalam kehidupan harian kita, tidak kira sama ada kaya atau miskin, tetapi juga menjadi renungan yang mengajarkan kita akan pentingnya kejujuran, ketelusan bersedia menerima hakikat yang sebenar.

Oleh itu, jangan terlalu pantas menganggap sesuatu kritikan sebagai buruk dengan syak wasangka yang berlebihan. Anggaplah seperti kita menerima kritikan sebuah cermin tentang wajah dan diri yang terpantul di depan kita.

Banyak yang kononnya terbuka dan mengalui-alukan kritikan. Akan tetapi apabila dikritik sedemikian tidak banyak pula mengotakatkan kata-katanya untuk berlapang dada menerima sesuatu tanggapan yang tidak selari dengannya. Alangkah baiknya kalau bersikap terbuka seperti menerima hakikat diri di depan cermin.

Sebab itulah sering kali kita melewatkhan hakikat bahawa kritikan memainkan peranan sangat penting dalam pembentukan diri dan perkembangan kerjaya. Sebaliknya hanya lebih merasakan kegembiraan dan kebanggaan apabila menerima pujian, bukan kritikan.

Sememangnya pujian orang lain membuatkan kita rasa dihargai, diiktiraf dan

dianggap berjaya dalam sesuatu yang kita lakukan. Pujian membantu meningkatkan keyakinan diri dan memberi semangat untuk terus berkembang. Sekalipun begitu pujian yang tidak jujur atau mengampu tidak memberi manfaat.

Malah lebih bahaya sekiranya yang menerima pujian itu memetiknya secara bulat-bulat tanpa menyaring kemungkinan terselit tujuan yang lain. Kritikan yang jujur memang terasa pedih, tetapi membawa manfaat yang jauh lebih besar dalam jangka masa yang panjang. Kritikan yang jujur daripada pihak yang tidak berkepentingan membantu kita melihat kelemahan dan kesilapan yang mungkin tidak sedari.

Kehidupan yang penuh cabaran ini menuntut kita sentiasa berdamai dengan kritikan sebagaimana kita menerima kejujuran sebuah cermin yang tidak sentiasa mengatakan kesempurnaan dan keindahan. Malah perlu belajar menerima kritikan tanpa dipengaruhi syak wasangka yang liar.

Hanya sahabat yang baik sahaja menjadi cermin kepada kita. Begitu jugalah hanya pendukung-pendukung yang baik dan jujur sahaja yang sanggup memberitahu yang tidak indah tentang diri kita.


Pentingnya berfikir secara objektif, menilai semua kritikan yang diterima dan mengambil tindakan yang perlu untuk menyemak diri. Kritikan yang disampaikan dengan tujuan yang baik amat mudah dibezakan dengan pujian 'udang di sebalik batu.' Dunia kehidupan udang bukan di sebalik batu, kalau ada udang di sebalik batu, maknanya adalah tujuan tersiratnya.

Oleh itu, kemahiran membezakan antara kritikan membina dan merosakkan adalah penting dalam proses penambahbaikan diri. Sebenarnya pihak yang memuji untuk tujuan mengampu itu akan timbul juga belangnya. Tetapi sementara menunggu belangnya timbul, kemungkinan ia boleh mempengaruhi kita dalam membuat sesuatu keputusan.

Renunglah sifat cermin yang memantulkan sesuatu yang benar, tidak berlebihan atau berkurangan. Lalu tidak hairanlah semua orang percaya pada cermin – daripada setinggi-tinggi kedudukan hingga serendahrendahnya. Daripada cermin pandang belakang pada kenderaan hingga cermin kecil dalam beg tangan wanita, semuanya kerana percaya pada kejujuran yang dibuktikan oleh cermin.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

RAGAM KOTA



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera:
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.
Tel: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com

MEMACU NEGARA MELALUI KEPENGERUSIAN ASEAN

ZULKIFLI SULONG

MALAYSIA rasminya menjadi Penggerusi ASEAN atau nama penuhnya Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) untuk tahun 2025 ini.

Laos telah menyerahkan Kepengerusian ASEAN kepada Perdana Menteri (PM), Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 14 Oktober 2024.

Sejak menerima tumpukan kepimpinan ASEAN, PM Anwar dilihat memberikan perhatian yang sangat bersungguh terhadapnya.

Beliau mula menjual nama ASEAN ke mana-mana sahaja beliau bercakap hatta ketika berucap di pentas dunia termasuk di Davos, Switzerland baru-baru ini.

Untuk membantunya, Anwar secara peribadi telah melantik kumpulan penasihat ASEAN yang diketuai oleh bekas Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra.

Walaupun mendapat kritikan pembangkang, Anwar bertegas, Thaksin bakal memberikan kelebihan kepada ASEAN yang dipengerusikan Malaysia.

Dengan latar belakang perniagaan dan bekas Perdana Menteri Thailand, salah sebuah negara utama ASEAN, Thaksin diyakini dapat memberikan nasihat yang berguna. Apatah lagi hubungan keluarga yang erat Thaksin dengan PM Thailand sekarang.

Baru-baru ini, Anwar bertemu Thaksin. Selepas itu mereka berdua bertemu dengan bekas Menteri Luar Singapura, George Yeo untuk meneruskan diskusi tentang ASEAN dan juga kepentingan serantau. Topik utama adalah tentang Myanmar, negara anggota ASEAN yang menjadi isu dan kidis dalam konteks demokrasi dunia.

Nampaknya Anwar telah memulakan langkah yang jelas sebagai Penggerusi ASEAN.

Secara sedar atau tidak, Anwar telah menyaksikan Malaysia menjadi Penggerusi ASEAN pada tahun 1985, 1995, 2005 dan



PENULIS BEBAS



ANWAR ketika mengadakan pertemuan dengan Thaksin baru-baru ini.

2015. Dua yang pertama berlangsung di Kuala Lumpur, manakala yang terakhir di Putrajaya.

Bagaimanapun, beliau tidak menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN terakhir. Malah, beliau sendiri tidak pasti sama ada beliau boleh menjadi Perdana Menteri Malaysia selepas 2005 atau 2015, tulis rakan saya Dr Pha Kim Beng, seorang pengkaji politik antarabangsa melalui tulisannya.

Bagi Dr Pha, 2025 membawa cabaran berbeza. Malaysia bukan sahaja perlu mengekalkan legasi ASEAN yang membuat keputusan secara konsensus, tetapi juga menyuntik semangat baharu ke dalam kepengerusian ini kerana peluang seterusnya hanya akan datang pada 2035.

Bagi Dr Pha, Anwar dikenali sebagai seorang yang optimis, dengan keupayaan mengatasi pelbagai cabaran termasuk hampir 12 tahun dipenjara atas sebab politik serta penantian 25 tahun sebagai Perdana Menteri.

Beliau juga antara pemimpin ASEAN pertama yang menyokong Sidang Kemuncak ASEAN-GCC yang dijadualkan berlangsung pada April atau Mei 2025.

Idea kerjasama ASEAN-GCC telah dibincangkan sejak 2009 dan Anwar perlu memastikan sidang ini menghasilkan proses kerjasama yang berkesan, kata Dr Pha.

Dr Pha menggariskan tiga keutamaan Malaysia ketika menjadi Penggerusi ASEAN ini.

Pertama, meningkatkan keterhubungan ASEAN – ASEAN perlu mengukuhkan 'kesentralan' bagi memastikan pembangunan serantau lebih teratur.

Kedua, memperkasa ekonomi ASEAN, dengan lebih 690 juta penduduk yang akan meningkat kepada satu bilion, ASEAN perlu menyediakan ekosistem ekonomi kondusif.

Mengukuhkan hubungan antarabangsa – Malaysia berhasrat memperkuuh hubungan dengan negara GCC, ASEAN Plus 3, serta organisasi global seperti OECD dan BRICS.

Memastikan ASEAN kekal relevan – dengan cabaran geopolitik dan ekonomi, Malaysia perlu memastikan ASEAN bersedia menghadapi perubahan global, katanya.

Bagi seorang lagi penulis yang juga wartawan, kepimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim berpotensi untuk menghidupkan

kebangkitan kedua ASEAN terutama menerusi ASEAN-Malaysia 2025.

Berucap pada ASEAN Economic Opinion Leaders Conference: Outlook 2025 di sini pada Rabu, Editor Eksekutif Pengurusan South China Morning Post, Zuraidah Ibrahim memuji kepimpinan Anwar terhadap kepimpinan serantau.

"Anwar sebenarnya telah menggunakan sangat baik (pendekatan) dalam mengambil alih kepimpinan dan (mencadangkan) tentang kebangkitan kedua ASEAN."

"Sebagai individu yang dibesarkan di sini dan amat mendalam rantau ini, saya benar-benar berharap Malaysia akan berjaya mencetuskan kebangkitan kedua ASEAN," katanya pada satu sesi di persidangan itu, lapor Sinar Harian.

Di samping Thailand yang diwakili Thaksin, hubungan baik Anwar dengan Presiden Indonesia, Prabowo Subianto juga amat penting. Malaysia, Singapura, Thailand dan Indonesia adalah negara utama dalam persatuan ini.

Hubungan yang baik antara Anwar dan Prabowo berpotensi untuk membentuk kembali arah masa depan ASEAN yang serba gemilang.

Di tengah ketidakpastian geopolitik dunia, hubungan rapat antara Presiden Prabowo dan Anwar memunculkan harapan kembalinya kepimpinan ASEAN yang lebih solid dalam peranannya di tengah-tengah kancang politik global.

Ya mesti ada titik bengit dalam hubungan antara negara termasuk kejadian tembak-menembak antara pasukan keselamatan Malaysia dengan lima rakyat Indonesia baru-baru ini.

Kita yakin hubungan baik Prabowo-Anwar akan memberikan natijah yang baik untuk kedua-dua negara apatah lagi ASEAN.

Mari kita sama-sama berdoa agar Anwar menjaya membina mercu tanda baru dalam peranan ASEAN di pentas dunia.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

Rumah jadi stor



Perpaduan dalam perayaan

MACAM-MACAM perangai aneh diakukan segelintir warga kota Kuala Lumpur. Ada yang menternak haiwan dalam kawasan taman perumahan, lengkap dengan kandang dan reban hingga mengganggu ketenteraman.

Ada pula yang menjadikan kawasan awam milik sendiri. Misalnya menutup laluan dengan meletakkan pelbagai barang niaga seperti kerusi meja. Ada yang cop parkir di kawasan perumahan dan lain-lain.

Baru-baru ini pula Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertindak terhadap 12 pemilik kediaman di Taman Batu View, Pusat Bandar Utara di Pasar Borong kerana menjadikan kediaman mereka stor simpanan barang jualan tanpa kebenaran DBKL.

Dalam operasi tersebut, barang dan peralatan niaga serta bahan makanan

seperti sayur-sayuran, buah-buahan, troli, bakul dan lain-lain disita dan dihantar ke Stor Sitaan DBKL untuk dokumentasi.

Kawan-kawan Kedai Kopi difahamkan, kebanyakannya pemilik kediaman ini adalah peniaga di pasar borong. Mereka menjadikan rumah sebagai stor simpanan barang jualan seperti sayuran-sayuran dan bahan runcit.

Perbuatan penghuni itu merupakan tindakan sesuka hati menukar kediaman kepada stor simpanan secara haram. Penukaran seperti ini hanya boleh dilakukan menerusi Perintah Pembangunan.

Tanpa kebenaran bererti melakukan kesalahan di bawah Akta Perancangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) 1982. Memang wajar DBKL bertindak sebagai ingatan dan pengajaran kepada pemilik kediaman agar mematuhi peraturan.

SAMBUTAN Tahun Baharu China pada 29 dan 30 Januari baru sahaja berlalu. Bahang sambutan ini akan dirasai sehingga Chap Goh Mei, dijangka pertengahan Februari.

Yang membanggakan ialah sambutan tahun baharu ini kemeriahannya bukan sahaja dirasai oleh masyarakat keturunan China tetapi seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum. Lebih menyeronokkan ia disambut pada musim cuti sekolah.

Sudah menjadi tradisi, hari perayaan kaum di Malaysia disambut oleh semua kaum. Inilah uniknya amalan di negara ini yang melambangkan perpaduan dan hubungan erat dalam kalangan pelbagai kaum.

Pada hemat kawan-kawan Kedai Kopi, keadaan ini wujud kerana ada rasa toleransi serta saling menghormati. Situasi ini mungkin sukar dilihat di negara lain yang

mempunyai penduduk pelbagai bangsa dan agama.

Kita bangga kerana selama ini teras perpaduan dan kerjasama menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan makmur, rakyatnya hidup sejahtera. Tanpa ciri-ciri ini, tugas pemimpin memajukan negara tidak dapat berjalan lancar.

Sebaliknya dengan adanya perpaduan dan kerjasama, yang sukar menjadi senang, yang berat menjadi ringan. Prinsip ini perlu dipertahankan agar Malaysia mampu berdiri sama tinggi duduk sama rendah dengan negara lain.

Kerana itu wajar diingat sementara kita bergembira menyambut perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baharu China atau Deepavali, semangat kekitaan bukan sahaja harus terserlah pada waktu sedemikian, ia harus berterusan sepanjang masa.

Pembayaran Peribadi-i



Ahli kumpulan MBSB Group

RASAI KETENANGAN

Pengalaman baru bersama kami

**Penangguhan
Bayaran**
3 Bulan

Kadar Pembayaran
Serendah
2.96%
Setahun

Pembayaran
Sehingga
RM 400,000



GANJARAN EMAS UNTUK DIMENANGI. TEMPOH TERHAD, MOHON SEKARANG!

Peringkat	Peringkat 1	Peringkat 2	Peringkat 3
Hadiah	0.25g x300	0.50g x390	1.00g x480
Jumlah Pembayaran	RM100,000 - RM199,999	RM200,000 - RM299,999	RM300,000 dan ke atas



Imbas kod QR untuk maklumat lanjut
dan hantar permohonan anda melalui

FAST



Tertakluk kepada Tema dan Syarat

SENTIASA MENGIRINGI ANDA

Pelan RSL 2040 pacu pembangunan

USAHA untuk memastikan Labuan sebagai sebuah pulau dan Wilayah Persekutuan membangun lebih mampan, berdaya saing serta berdaya huni, Perbadanan Labuan (PL) kini giat menumpukan pelaksanaan Pelan Rancangan Struktur Labuan (RSL) 2040.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, **Mohd Sukuran Mohd Taib**, sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT), PL melihat Labuan memiliki potensi besar dalam pelbagai bidang dan tidak hanya di sektor pelancongan semata-mata.

Katanya, antara teras bidang



SUKURAN

yang ditumpukan menerusi RSL 2040 iaitu pemerkasaan ekonomi, kemampunan pembangunan, kesejahteraan masyarakat, prasarana makmur dan pemantapan urus tadbir.

"RSL 2040 bertujuan menyokong pembangunan yang lebih lestari dengan mengutamakan kelestarian alam sekitar, meningkatkan kualiti hidup warga Labuan menerusi penganjuran aktiviti kebajikan serta memperkuatkannya infrastruktur dan teknologi digital.

"Saya yakin menerusi usaha

baik kerajaan menerusi RSL 2040 ini akan membawa Labuan sebagai Wilayah Persekutuan yang sejahtera dan mampan," katanya kepada Wilayahku, baru-baru ini.

Dalam perkembangan lain, sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan dengan tema Wilayah Persekutuan Kita, beliau menjelaskan tema tersebut mencerminkan semangat kebersamaan dan perpaduan dalam kalangan warganya.

"Dengan semangat ini, saya percaya semua pihak perlu bekerjasama dan berganding bahu untuk menyemarakkan lagi rasa kebersamaan dan tanggungjawab demi memastikan Wilayah Persekutuan sebuah wilayah yang harmoni, inklusif, progresif serta berdaya saing," katanya.



PELAN RSL 2040, pacu pembangunan Labuan sebagai pulau mampan. - Gambar hiasan

Fokus pulau pelancongan

DESTINASI TARIKAN UTAMA NEGARA

KHAIRUL IDIN

SAMBUTAN Hari Wilayah Persekutuan pada 1 Februari memang dinanti-nantikan warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya yang menjadi satu titik kebersamaan dalam memupuk semangat perpaduan dalam kalangan warganya.

Bagi Labuan telah genap mencapai usia 41 tahun sebagai Wilayah Persekutuan turut tidak ketinggalan meraikan hari keramat itu dengan pelbagai penganjuran program dan acara yang dianjurkan oleh Perbadanan Labuan (PL) sepanjang Februari ini.

Antara fokus utama PL tahun ini ialah meningkatkan daya saing pulau itu dalam sektor pelancongan bagi membangunkan Labuan sebagai sebuah Wilayah Persekutuan yang lebih berdaya saing dan tidak hanya bergantung dalam aktiviti perkapalan, minyak dan gas dan Pusat Kewangan Pesisir Pantai semata-mata.

"Sempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan yang ke-51 tahun kali ini, saya menzahirkan rasa bangga dengan pencapaian yang telah berjaya dilaksanakan di Wilayah Persekutuan khususnya di Labuan meskipun pembangunan di antara ketiga-tiga Wilayah Persekutuan ada perbezaan.

"Sayajuga berharap kepada Kerajaan MADANI akan terus memberikan tumpuan kepada Labuan khususnya dalam menjadikan pulau ini sebagai salah satu destinasi pelancongan utama di negara ini," kata Timbalan Pengurus Perbadanan Labuan, **Simsudin Sidek**



SIMSUDIN

kepada Wilayahku, baru-baru ini.

Tambahnya, sektor pelancongan di pulau itu menjadi salah satu fokus utama Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) dengan melaksana dan menyusun atur pelbagai penganjuran sebagaimana sah merancakkan sektor tersebut serta mampu menarik pelancong dalam dan luar negara ke pulau itu.

"Apa yang kami fokuskan bagi masa pendek ini adalah sektor pelancongan yang perlu diperkasakan, saya amat yakin dengan perancangan besar yang telah disusun atur oleh

"PL menyahut seruan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, antaranya penganjuran yang julung kali dianjurkan di Labuan iaitu Borneo Flora Festival yang bakal diadakan pada Julai ini.

"Bagi saya ini merupakan satu permulaan yang baik kepada Labuan dalam memacu semula sektor pelancongan. Pada penganjuran itu, kami juga menjangka mampu menarik sekitar 5,000 pengunjung dan secara

tidak langsung ia memberikan manfaat kepada Labuan bukan sahaja dari segi pelancongan malahan kepada ekonomi tempatan khususnya.

"Di peringkat PL, kami menyusun atur penganjuran ini dengan pelbagai persiapan awal. Bagaimanapun untuk

menjayakan penganjuran besar di pulau ini memerlukan komitmen serta kerjasama daripada semua pihak, tidak hanya kepada agensi kerajaan sahaja malahan pihak-pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) juga perlu memainkan peranan dalam menjayakan matlamat itu," katanya.

Sementara itu, Pengurus Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon Labuan, **S. Roslee Matusin** berkata, dalam fokus meningkatkan sektor pelancongan di pulau ini, pihak yang berwajib perlu memastikan mutu perkhidmatan dan kemudahan asas dalam keadaan yang baik demi memastikan keselesaan dan keselamatan pengunjung luar terjamin.

Katanya, kemudahan asas dan mutu perkhidmatan termasuklah perhotelan, pengangkutan dan sebagainya perlu disusun sebaiknya sebelum penganjuran festival berprestij diadakan demi menjaga nama baik pulau itu sendiri.

"Dalam usaha kita untuk menarik pengunjung termasuk pelancong luar negara ke Labuan, keutamaan yang perlu dititikberatkan adalah kemudahan asas agar ia dapat memberikan keselesaan kepada mereka untuk berkunjung ke pulau ini."

"Antara permasalahan yang sering berlaku apabila terdapat penganjuran besar adalah kemudahan pengangkutan yang agak terhad seperti perkhidmatan feri ro-ro, bot laju dan bilangan pesawat ke pulau ini."

"Kami berharap pihak yang berwajib harus bersama-sama berganding bahu dalam mengatasi permasalahan ini agar setiap perancangan yang baik daripada kerajaan dapat dilaksanakan dengan lancar sekali gus dapat mencapai matlamat untuk menjadikan Labuan sebagai pulau pelancongan yang berdaya saing," katanya.



MOHD FAIZUL(tiga dari kanan) mengiringi Wan Hashim (depan, empat dari kanan) meninjau projek bangunan sekolah.

JKR laksana 96 projek sebut harga

SEJUMLAH 96 projek sebut harga dan 13 projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia (RMK) membatikan jumlah keseluruhannya lebih RM109 juta berjaya dilaksanakan Jabatan Kerja Raya (JKR) Labuan sepanjang tahun 2024.

Menurut Pengarah JKR Labuan, **Mohd Faizul Mohd Ali Hanapiyah**, kesemua projek yang berjaya dilaksanakan itu membabitkan pelbagai agensi dan kementerian di Labuan.

Katanya, kejayaan itu mencerminkan dan bukti komitmen JKR Labuan dalam menjayakan projek-projek pembangunan infrastruktur rakyat yang memberi manfaat kepada masyarakat di pulau itu.

"Pada 2024, pihak JKR Labuan berjaya menyiapkan 96 projek sebut harga dan

13 projek pembangunan di bawah RMK yang bernilai lebih 109 juta," katanya kepada pemberita pada Majlis Penyerahan Projek Siap Pembinaan Bangunan Tambahan Prasekolah Kebangsaaan Patau-Patau.

Majlis penyerahan projek

bernilai RM919,098.40 itu disaksikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan) Kementerian Pendidikan Malaysia, Datuk Wan Hashim Wan Rahim.

Mengulas mengenai penyerahan projek baharu itu, Mohd Faizul berkata, projek pembinaan blok bangunan ini dibina pada Mei 2024 telah berjaya disiapkan mengikut jadual yang telah ditetapkan iaitu pada Disember lalu dan pembinaan itu menggunakan pasukan seni bina JKR Labuan.

"Antara skop projek pembinaan bangunan tambahan ini merangkumi bilik darjah, ruang makan, ruang penyediaan makanan, tandas serta dilengkapi laluan berbumbung, sistem elektrik, sistem retikulasi air luaran dan juga sistem pembentungan."

"Semoga dengan penyiapan dan penyerahan projek ini, anak-anak kita dapat menikmati peluang menuntut ilmu dalam persekitaran yang kondusif. Selain para guru juga akan terus bersemangat dalam mendidik," katanya.

Sebahagian daripada Pelan Induk Pertanian Bandar Putrajaya 2030

POTENSI EKSPORT MADU KELULUT

SABRINA SABRE

PIHK Perbadanan Putrajaya (PPj) disaran untuk meneroka peluang dalam mendapatkan pensijilan halal dan organik bagi produk Maduku Putrajaya supaya dapat menembusi pasaran antarabangsa seperti di Eropah, Timur Tengah dan Asia Tenggara.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, madu kelulut kini semakin mendapat perhatian sebagai komoditi baharu berpotensi tinggi.

"Berdasarkan data Jabatan Pertanian, pengeluaran madu kelulut di Malaysia mencecah 145,856 kilogram dengan nilai melebihi RM21 juta (data 2020), yang menunjukkan ia satu industri yang mampu berkembang jika diuruskan dengan baik dan strategik."

"Selain sebagai makanan, ia juga boleh menjadi produk premium dan dieksport dengan nilai tambah seperti produk kosmetik atau suplemen kesihatan. Saya kira ini juga potensi untuk beberapa komuniti di Putrajaya bergiat dalam madu kelulut."

"Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada PPj kerana menyahut arahan saya tahun lepas berkenaan produk hiliran dengan memperkenalkan produk madu kelulut yang dinamakan sebagai Maduku Putrajaya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Terbuka Pertanian Bandar dan Kelulut Putrajaya (HTPBKP) 2025.

Dalam masa sama, Zaliha turut melancarkan Pelan Induk



ZALIHA melihat sarang madu kelulut ketika Majlis Perasmian HTPBKP 2025 di Taman Botani Putrajaya.

Pertanian Bandar Putrajaya 2030 sebagai panduan strategik untuk memajukan sektor pertanian bandar dalam menyokong pertumbuhan ekonomi setempat dengan merangkumi tiga teras utama dan 17 tindakan.

"Pelan pembangunan ini membolehkan penerokaan peluang untuk pelaksanaan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang pertanian bandar agar lebih banyak

produk hiliran dapat dihasilkan dengan kualiti yang premium dan berstandard global."

"Taman Botani akan dijadikan pusat latihan bagi individu yang berminat menceburkan diri ke dalam pertanian bandar. Potensi dari kebun komuniti perlu dimanfaatkan dengan kerjasama antara pengusaha kebun komuniti, institusi penyelidikan dan juga keterlibatan pihak swasta."

"Saya sebenarnya mahu

melihat lebih banyak usaha dalam membangunkan produk hiliran yang boleh dipasarkan secara lebih luas dan dijadikan antara punca pendapatan."

"Tidak semestinya pihak berkuasa tempatan (PBT) yang perlu mengusahakan, tetapi dalam kalangan komuniti sendiri yang melaksanakannya. Di peringkat PBT seperti PPj atau Jabatan Wilayah Persekutuan, kita boleh

menyediakan mentorship daripada mereka yang telah berjaya," katanya.

Beliau berkata dengan melibatkan komuniti, PBT dan teknologi, kita dapat melihat unjuran penghasilan produk yang sangat tinggi.

"Sebagai contoh pada tahun 2024, komuniti telah berjaya menghasilkan produk bernilai sehingga RM100,000. Saya yakin ini akan terus berkembang kerana setakat ini kita mempunyai 10 kebun dan dalam pelan tindakan akan datang, kita berhasrat untuk mengembangkan lagi pertanian bandar ini ke setiap komuniti di Putrajaya," katanya.

Terdahulu, penganjuran HTPBKP 2025 yang berlangsung selama dua hari dengan tema 'Jom Bertani Komuniti MADANI' itu memberi peluang kepada komuniti di bandar mempelajari teknik pertanian moden bagi kelangsungan hidup sekali gus menjaga kelestarian alam sekitar dengan menggalakkan amalan mesra alam seperti penanaman tanaman secara organik.

Selain itu, ia turut memberi pendedahan penggunaan semula sisa dapur sebagai bahan kompos dan meningkatkan keselamatan makanan.

HTPBKP 2025 turut memperkenalkan Laman Dapur dan Laman Kelulut yang terletak di Taman Botani Putrajaya sebagai hab pengembangan pembangunan pertanian bandar dan penternakan kelulut di Putrajaya.

Lahir komuniti sihat

SERAMAI 8,100 peserta menyertai Program Half Marathon dan Larian Hari Wilayah Persekutuan 2025 di Jambatan Putra, Putrajaya pada Sabtu.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, program tersebut bukan sekadar larian tetapi juga simbol kesatuan, kecergasan dan semangat kebersamaan komuniti.

"Program Half Marathon dan Larian Hari Wilayah Persekutuan ini menjadi platform yang membuka peluang kepada masyarakat untuk berkumpul dan berinteraksi di samping mengeratkan perpaduan sesama warga Wilayah Persekutuan dengan amalan gaya hidup sihat."

"Acara 21 kilometer (km) dan 10km Half Marathon serta 5km Fun Run Larian Hari Wilayah Persekutuan ini menyasarkan penyertaan sebanyak 8,000 peserta."

"Namun, program ini telah menerima sambutan yang sangat memberangsangkan dan melebihi sasaran yang ditetapkan," katanya.

Beliau berkata, siri kedua larian ini akan diadakan di Wilayah Persekutuan Labuan pada 9 Februari



WAJAH ceria peserta Program Half Marathon dan Larian Hari Wilayah Persekutuan 2025.

2025 dan siri ketiga di Dataran Merdeka, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 16 Februari 2025.

"Pendaftaran bagi Larian Hari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan masih dibuka menerusi aplikasi JomRun."

"Selaras dengan komponen Healthy City atau Bandar Sihat menerusi visi Bandar C.H.A.S.E., program sebegini diharap dapat membentuk komuniti Wilayah

Persekutuan yang sentiasa mengutamakan kesihatan dan mengamalkan gaya hidup cergas dan aktif sekali gus dapat melahirkan generasi yang memiliki badan cergas serta minda yang cerdas," katanya.

Program tersebut merupakan kerjasama strategik bersama JomRun dan merupakan siri pertama larian sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2025.

Diskaun kompaun, saman sehingga 28 Februari

PERBADANAN Putrajaya (PPj) melaksanakan Kempen Jom Bayar Saman atau Kompaun bersempena Hari Wilayah Persekutuan selama sebulan bermula 1 hingga 28 Februari 2025.

Menurut Presiden PPj, Datuk Fadlun Mak Ujud, pengunjung yang hadir boleh mendapatkan diskain sehingga 50 peratus bagi saman terpilih seluruh negara daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM).

"Pihak kami mengadakan Kempen Jom Bayar Kompaun/Saman dengan kadar RM10 (kompaun) dan RM30 (saman) tertakluk kepada terma dan syarat."

"Orang ramai boleh menyemak saman atau kompaun melalui laman sesawang PPj di <https://www.ppj.gov.my> (klik menu kompaun) dan bayaran juga boleh terus dibuat di laman sesawang yang sama."

"Selain itu, pengunjung juga boleh hadir ke kaunter bayaran Pusat Khidmat Pelanggan PPj untuk urusan bayaran," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata semakan dan bayaran saman atau kompaun juga boleh dilakukan di reruai PPj semasa Hari Terbuka Putrajaya (Putrajaya Open Day) yang akan berlangsung selama empat hari bermula 6 hingga 9 Februari ini.

Langkah berani perkukuh pengurusan bola sepak negara

MENGAPA ROB FRIEND PENTING?

METRA SYAHRIL MOHAMED

LANGKAH Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) melantik Robert Douglas Friend atau lebih dikenali sebagai Rob Friend sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) pasukan kebangsaan Harimau Malaya dilihat sebagai langkah berani dan strategik dalam usaha memperkuuh struktur pengurusan bola sepak negara yang memerlukan sentuhan profesional bertaraf antarabangsa.

Dalam dunia bola sepak moden, kejayaan sesebuah organisasi bukan hanya ditentukan oleh pengalaman atau reputasi, tetapi berdasarkan kompetensi yang merangkumi pengetahuan, kemahiran, keupayaan dan sikap.

K e e m p a t - e m p a t elemen ini memainkan peranan penting dalam membentuk seorang pemimpin yang mampu membawa perubahan positif dalam pengurusan sukan. Pelantikan Friend selaku CEO Harimau Malaya dilihat memenuhi keempat-empat dimensi ini, menjadikannya calon yang sesuai untuk memacu

pembangunan bola sepak Malaysia ke arah lebih profesional dan berdaya saing.

Perkara itu disokong Pensyarah Kanan di Fakulti Sukan dan Sains Eksesais, Universiti Malaya, **Dr Mohd Firdaus Abdullah** dengan Rob Friend bukanlah nama asing dalam dunia bola sepak global.

Berasal dari Rosetown, Saskatchewan, Kanada, beliau pernah beraksi di pentas bola sepak antarabangsa sebagai penyerang prolifik, dengan mencatatkan 32 penampilan untuk skuad kebangsaan Kanada antara 2003 hingga 2011. Antara kelab ternama yang pernah diwakilinya termasuk Borussia Monchengladbach, Hertha Berlin dan LA Galaxy.

Namun katanya, keunikian Friend bukan sekadar pada pencapaianannya s e b a g a i pemain, tetapi transformasinya selepas bersara sebagai pemimpin dan pengurus bola sepak profesional.

Sejurus selepas bersara pada 2014, Friend mula

mencipta nama dalam dunia pengurusan dengan menjadi pengasas bersama Canadian Premier League (CPL), sebuah liga yang pada awalnya tidak dikenali tetapi berjaya berkembang menjadi liga bernilai RM1.32 bilion (AS\$300 juta) hanya dalam tempoh enam tahun. Beliau turut menerajui Pacific FC sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (2019-2022) dan kini memegang jawatan Presiden Vancouver FC sejak 2022.

Kejayaannya dalam membangunkan kelab dan fasiliti bola sepak, termasuk pembinaan stadium dan pusat latihan moden, membuktikan kemampuannya mengurus organisasi bola sepak dengan cemerlang.

Mohd Firdaus memberitahu, berdasarkan dimensi kompetensi yang merangkumi pengetahuan, kemahiran, keupayaan dan sikap, sememangnya pelantikan Friend menepati kriteria seorang pemimpin bola sepak moden yang berprestasi tinggi dan mampu membawa perubahan strategik kepada pasukan kebangsaan Harimau Malaya.

Dari aspek pengetahuan, Friend memiliki pemahaman mendalam tentang ekosistem bola sepak profesional, khususnya dalam membangunkan liga yang kompetitif, pembangunan fasiliti berkelas dunia dan program pembangunan bakat.

"Pengalamannya membangunkan CPL yang kini menjadi salah satu liga bola sepak berkembang pesat di Amerika Utara mencerminkan kefahaman strategiknya dalam aspek pengurusan bola sepak di peringkat global," katanya.

Beliau menambah, dari sudut kemahiran, Friend telah membuktikan keupayaannya dalam



merangka strategi pengurusan yang berkesan, termasuk mengurus operasi kelab, penajaan, pemilihan pemain dan pembangunan fasiliti latihan yang sistematis.

K a t a n y a , pengalaman Friend dalam membangunkan Pacific FC dan Vancouver FC dari kelab baru kepada jenama yang stabil m e m b u k t i k a n kemahiran beliau dalam pengurusan sumber manusia, kewangan dan pemasaran yang berimpak tinggi.

"Walaupun Friend membawa rekod cemerlang, beliau bakal berdepan dengan cabaran unik dalam konteks bola sepak Malaysia yang dipengaruhi oleh faktor sosioekonomi, geografi, sosiobudaya dan isu pemain naturalisasi.

"Perbezaan sosioekonomi antara

negeri mungkin memberi cabaran dalam memastikan akses sama rata kepada fasiliti latihan yang berkualiti. Kawasan metropolitan seperti Kuala Lumpur dan Selangor menawarkan infrastruktur sukan yang lebih maju, manakala negeri seperti Sabah dan Sarawak memiliki potensi besar dengan bakat sukan yang melimpah, yang boleh diperkasakan melalui perancangan jangka panjang lebih inklusif bagi memastikan pembangunan bola sepak yang seimbang di seluruh negara," katanya.

Pelantikan Rob Friend sebagai CEO Harimau Malaya adalah satu langkah berani yang diambil FAM dalam usaha memperkuuh pengurusan bola sepak negara. Dengan pengalaman luas dan pencapaian yang cemerlang dalam arena bola sepak antarabangsa, Friend dilihat sebagai individu yang berpotensi membawa perubahan positif dalam jangka masa panjang.



ROBERT FRIEND



MOHD FIRDAUS

Man-Tee buru ranking 10 terbaik dunia

PEMAIN beregu lelaki negara, **Man Wei Chong** mendambakan impian memburu kedudukan 10 terbaik dunia selepas berhasil mengukir nama bergelar beregu ranking ke-12 dunia ketika ini.

Wei Chong yang bergandingan bersama Tee Kai Wun mengimpikan hasrat itu dengan mengambil kira kemasukan Herry Iman Pierngadi selaku ketua jurulatih lelaki baharu negara yang pernah melahirkan beregu handalan dunia sebelum ini.

"Harapan kami kalau boleh untuk raih 10 terbaik dunia sebab sebelum ini dah dua tahun kami pasang impian itu dan tak berjaya capai."

"Saya rasa ia boleh dicapai dengan kehadiran Herry sebab dia pernah lahirkan jaguh dunia serta pernah bimbing Indonesia hampir 30 tahun, jadi kami harap dapat jadi bagus di bawah bimbingan beliau," katanya.

Kejayaan menujuai kejohanan badminton Masters Indonesia 2025 baru-baru ini membolehkan Wei Chong-Tee Kai Wun menduduki ranking ke-12 dunia iaitu pencapaian terbaik sepanjang karier mereka.

Berdasarkan ranking dunia Federasi Badminton Dunia (BWF), Wei Chong-Kai Wun melonjak satu anak tangga daripada

kedudukan ke-13 dunia dengan 65,490 mata.

Dalam pada itu, mengulas mengenai penampilan sulungnya di Kejohanan Badminton Berpasukan Campuran Asia 2025 (BAMTC) di Qingdao bulan hadapan, Wei Chong berkata, dia dan Kai Wun sedia menggalas tanggungjawab di samping gandingan Yap Roy King-Wan Muhammad Arif Shaharuddin Wan Junaidi.

Malaysia diundi dalam kumpulan B bersama Indonesia, Hong Kong dan Kazakhstan pada BAMTC yang akan bermula pada 11 hingga 16 Februari ini.



AKSI Wei Chong-Kai Wun dalam perlawanan separuh akhir Masters Indonesia 2025.



PENANTIAN 44 TAHUN AMY BAKAL BERAKHIR

SERIMAH SALLEHUDDIN

IMPIAN mengadakan konsert solo sudah lama diimpikan penyanyi rock legenda tanah air, **Datuk Amy Search** namun kerana tiada pihak yang dirasakan layak menganjurkan konsert solonya, ditambah komitmennya terhadap kumpulan Search menyebabkan hasrat itu dipandamkan penyanyi berusia 66 tahun itu.

Kini setelah empat dekad menanti, penyanyi dari Kampung Bakar Batu, Johor Bharu itu akan tampil dengan Amy Search Magic Konsert Solo Pertama yang bakal berlangsung 26 April depan bertempat di Axiata Arena Bukit Jalil.

Ujarnya yang ditemui pada majlis sidang media konsert anjuran The White Group dengan kerjasama Perbadanan Stadium Malaysia, dia jauh sekali bersikap jual mahal.

Abdul Rahman mahu konsert solo itu memahat sejarah peribadi yang boleh dibanggakan dalam portfolio kerjaya seninya.

“Sebelum ini ramai tawarkan diri untuk menganjurkan konsert solo tetapi hati saya belum terbuka kerana memikirkan komitmen bersama Search.

“Pada masa sama, promoter yang datang sebelum ini juga kurang meyakinkan.

“Tapi apabila pengarah konsert, Jennifer Thompson berjumpa saya tahun lalu, saya terus terbuka hati mengadakan konsert solo ini kerana dia tahu perjalanan seni saya serta lagu-lagu saya,” katanya.

Amy berkata dia mahukan konsert yang sempurna dari segala sudut, pentas, pencahayaan, pemuzik dan pemilihan lagu kerana mahu konsert itu meninggalkan pengalaman tidak boleh dilupakan peminat.

“Saya tidak mahu konsert yang sekadar tangkap muat. Saya mahukan konsert itu dipersembahkan dalam keadaan yang penonton tidak boleh

bayangkan sama sekali.

“Saya bersama Jennifer dan keseluruhan team konsert kini sedang mengadakan perbincangan secara serius agar konsert itu dapat direalisasikan dalam keadaan sesempurna mungkin.

“Dalam mengadakan konsert, persefahaman itu penting. Masa dan orang yang tepat juga adalah kunci kesuksesan konsert.

“Saya menolak sebelum ini bukan kerana takut ditipu. Tapi melihat hasil yang dimahukan itu sangat utama buat saya, kerana itu saya perlukan produser yang faham saya,” katanya lagi.

Kongsi Amy lagi, konsert itu bakal menjadi sebuah perjalanan yang cukup emosional terhadap kerjaya seninya selama 44 tahun.

Maka, ia perlu dihasilkan dengan cukup teliti termasuk lagu-lagu yang bakal dipersembahkan dalam konsert selama dua jam setengah itu.

Lagu-lagu yang bakal dipilih adalah daripada empat album solonya iaitu Magic (1994), Camouflage (1996), Aku Amy (1998) dan Satu Masa (2000) serta daripada singlenya.

“Saya berharap diberikan kesihatan yang baik pada konsert itu nanti.

“Saya suka aktiviti lasak seperti memanjat gunung, menyelam dan sky diving tetapi untuk konsert berskala besar, saya kena buat persiapan lebih rapi lagi termasuk menjaga pemakanan dan pengambilan vitamin,” katanya.

Disoal siapakah penyanyi undangan atau gimmick yang bakal dibawakan pada malam itu nanti, Amy berkata setakat ini perkara itu masih belum dibincangkan.

Ini kerana fokus utama mereka pada masa ini adalah untuk memastikan kelancaran konsert.

Tiket menyaksikan konsert mula dijual pada 5 Februari lalu.

‘Takut orang benci terlalu lama’

AKTOR popular, **Shukri Yahaya**, 37, mengaku tidak kisah dan sudah biasa dengan kecaman netizen terhadap watak yang dilakonkannya.

Dalam masa yang sama, Shukri tetap ada sedikit rasa takut andai kata penonton atau orang ramai berasa benci dalam tempoh lama terhadap watak jahat atau antagonis yang dibawanya.

“Sebagai pelakon, saya tidak boleh terlepas dengan kritikan atau komen penonton dan netizen. Kritikan positif atau negatif, saya kena terima kerana setiap orang ada pendapat masing-masing.

“Dapat komen teruk-teruk pun saya dah biasa. Dari dulu lagi, sebab kalau diikutkan saya biasa saja buat drama yang pukul perempuan, pukul isteri. Cuma, saya tak pernah ambil kisah pun benda itu.

“Kadang-kadang saya buka komen (di media sosial) pun, tengok macam-macam itu saja. Ada juga benda terasa. Biasalah, saya pun manusia biasa.

“Tapi sebagai pelakon, bagi saya kalau penonton atau netizen komen (teruk) macam itu, maknanya mereka faham cerita.

Mereka boleh layan cerita itu dan saya sangat seronok dengan situasi itu. Iyalah, lakonan kita jadi perhatian penonton sekali gus memberi kesan dalam jiwa mereka.

“Namun dalam masa yang sama, saya tetap ada rasa takut dengan watak-watak (berat) begini apabila orang rasa benci itu terlalu lama,” katanya.

Nama Shukri semakin diperkatakan apabila bawa watak Eshaal dalam drama terbarunya, Curang Tanpa Niat.

“Tapi terus-terang saya beritahu, Curang Tanpa Niat ini adalah cerita paling payah pernah saya buat sepanjang karier lakonan.

“Antara kepayahan itu dari segi nak fikir ‘acting’, nak fikir ‘develop’ karakter dan banyak lagi. Memang sangat mencabar,” ujarnya yang aktif sejak 2011.

Terdahulu, Shukri ditemui hadir pada Majlis Bulan Bintang Sedekad Menyinar di ibu kota, baru-baru ini apabila dia adalah ‘duta senior’ produk pakaian bagi musim perayaan itu sejak tahun 2015.

Mengulas komen berbaur kebencian pernah diterima, bapa dua anak ini berkata,

kebanyakan komen itu dari Instagram dan TikTok apabila ada yang tulis nak tumbuk, nak guntingkan rambut Eshaal.

“Apapun, sebenarnya watak Eshaal itu tidak sama dengan karakter-karakter yang pernah saya jayakan sebelum ini. Ada bezanya,” katanya.





Mengapa Rob
Friend penting?
▷22

Penantian 44 tahun
Amy Search bakal
berakhir
▷23



UMPAT BUKA PINTU KEBENCIAN

AZLAN ZAMBRY

MENGUMPAT atau bercerita mengenai keburukan atau menyebarkan khabar angin seseorang di belakang merupakan perbuatan yang dilarang keras kerana ia membuka lebih banyak pintu kebencian dalam masyarakat.

Menurut Timbalan Pengarah Akademi Turath, **Muhamad Norazam Bahador**, asalnya keburukan dan kekurangan seseorang itu tidak diketahui oleh pihak lain, lalu disebarluaskan seterusnya ia diketahui orang lain.

"Khabar angin yang tidak benar pula disebarluaskan seolah-olah ia benar. Pihak yang mendengar pula akan mula memandang buruk terhadap pihak yang diumpat."

"Sekiranya kitaran ini berterusan, maka natijahnya adalah kebencian dan permusuhan. Ini jelas merosakkan persaudaraan sesama Islam dan sesama insan," katanya kepada Wilayahku.

Tegas Mohd Norazam, atas sebab itulah, larangan mengumpat dan larangan bersangka buruk ini disebut selepas penegasan oleh Allah bahawa golongan beriman itu adalah bersaudara.

"Sebelumnya pada ayat yang keenam surah Al-Hujurat pula diperingatkan kepada golongan beriman akan bahaya menerima khabar berita yang tidak diselidiki kebenarannya terlebih dahulu.

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu

seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpa sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejadian kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan," katanya.


Menurut Muhamad Norazam, ulama nusantara terkenal, Almarhum Syeikh Abdus Somad Al-Falembang dalam karangan beliau Sair As-Salikin menyebutkan bahawa Baginda Rasulullah S.A.W bersifat dengan 'Al-Hilm'.

"Sifat 'Al-Hilm' menurut beliau bermaksud Baginda Rasulullah S.A.W adalah sangat lambat marahnya dan sentiasa memberikan kemaafan buat mereka yang menyakiti Baginda.

"Ini bererti Baginda Rasulullah S.A.W sangat kukuh kawalan Baginda terhadap sifat marah bahkan yang sentiasa terzahir daripada Baginda adalah tasamu, kemaafan dan belas ihsan dalam berinteraksi dengan umat Baginda," katanya.

Justeru itu, Muhamad Norazam berkata sebagai umat Rasulullah, kita perlu mempelajari daripada akhlak Baginda ini dalam kehidupan untuk tidak tergesa-gesa membala keburukan, kekasaran dan kekhilafan pihak lain terhadap kita.

"Kita perlu mengambil masa terlebih dahulu untuk menimbang apakah respons yang sesuai terhadap pihak yang menyakiti kita. Adakah tindak balas tersebut akan menatihahkan kebajikan atau sebaliknya.



"Adakalanya ubat terbaik kepada pihak yang memprovokasi kita adalah dengan kita tidak melayan kehendak mereka yang ingin melihat kemarahan kita bahkan kita terus fokus pada urusan kita yang lebih utama serta kita memberi kemaafan kepada mereka," katanya.

Beliau turut mengambil pedoman Imam Al-Bazzar Rahimahullah meriwayatkan daripada Rasulullah S.A.W bahawa Baginda bersabda:

"Berbahagialah orang yang menyibukkan diri dengan keibinan dirinya sendiri berbanding menyibukkan diri dengan keibinan orang lain".

"Langkah praktikal yang boleh kita ambil untuk menumpukan perhatian kepada peningkatan kualiti diri sendiri berbanding mencari-cari aib orang lain adalah dengan mengingati dan menginsafi bahawa mencari aib

dan kekurangan pihak lain adalah perkara dosa dan dimurka Allah, malah menghabiskan umur dan masa kepada perkara yang sia-sia bahkan membinasakan kita dunia dan akhirat.

"Umat Islam wajib menumpukan kepada aib dan kekurangan diri dan ia adalah langkah permulaan kepada proses pembaikan dan peningkatan kualiti diri sendiri," katanya. 

SERTAI SALURAN TELEGRAM
t.me/wilayahku
UNTUK INFORMASI TERKINI!

IMBAS KOD QR

Diurus terbit oleh YWP MEDIA SDN. BHD. (1304797-X) bagi pihak Kelab Sukan dan Kebajikan YWP. Yayasan Wilayah Persekutuan Wisma YWP, No. 134, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur. Tel: 03-2698 3073 / 2073
Dicetak oleh: YBA Print Sdn. Bhd. (968296-W). No. 28, Jalan 12/152, Taman Perindustrian OUG, Batu 6 1/2, Jalan Puchong, 58200 Kuala Lumpur. Tel: 03-7773 2692